Pelita Brunei

24 APRIL, 1985

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## SKIM PENGURNIAAN TANAH : PERINGKAT PERTAMA PEMILIHAN TELAH PUN SELESAI

KERAJAAN melalui Kementerian Pembangunan telah mengumumkan seramai 56 orang rakyat jati telah mendapat kurnia tanah di bawah Skim Pengurniaan Tanah bagi orang-orang yang tidak bertanah. Mereka itu telah terpilih dalam peringkat pertama pemilihan dan mendapat peruntukan di kawasan Lambak Kiri di Daerah Brunei dan Muara.

Skim Pengurniaan Tanah bagi perumahan adalah satu skim yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dengan Baginda sendiri menitahkannya dalam Istiadat Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Negeri pada penghujung tahun 1983. Titah Baginda itu telah mendapat sambutan dalam makna penghargaan yang tinggi daripada orang ramai khasnya rakyat jati. Ia dilihat sebagai suatu tanda perhatian berat Baginda terhadap masalah rakyat yang tiada mempunyai tanah untuk mendirikan rumah. Sesungguhnya hasrat Baginda itu telah disambut dengan penuh kesyukuran sebagai suatu kurnia yang dipercayai dapat melegakan rakyat khasnya dari kalangan yang sangat memerlukannya.

Hasrat Baginda itu dijunjung oleh Kerajaan, dan melalui Kementerian Pembangunan ia telah dijadikan suatu skim di mana permohonan-permohonan telah dibukakan. Skim tersebut telah dirumuskan dengan teliti termasuk antaranya menentukan kawasan-kawasan yang sesuai dirancangkan untuk mempunyai kemudahan-kemudahan asas bagi tapak perumahan. Pemilihan juga dibuat dengan teliti untuk menepati hasrat sebenar pengurniaan tersebut. Jumlah seramai 56 orang yang terpilih dalam peringkat pertama pengurniaan yang diumumkan itu dipercayai hanyalah merupakan sebahagian daripada pemohon-pemohon yang berkelayakan.

Orang ramai tentu menyambut baik pengumuman tersebut sebagai tanda kesungguhan Kerajaan dalam melaksanakan skim yang dirancangkannya. Dalam ertikata kesungguhan itu termasuklah perancangan yang lengkap yang dibuat dengan teliti. Maka tidak patut timbul sebarang sangkaan bahawa skim yang dilancarkan setahun yang lalu itu lambat dilaksanakan. Apa yang sebenarnya ialah orang ramai sendiri tentu dapat menimbangkan bahawa urusan memperuntukkan satu-satu kawasan bukanlah selesai semata-mata dengan menandakannya dalam peta. Ia merupakan suatu proses yang melibatkan banyak aspek, khasnya skim yang berkenaan adalah untuk tujuan-tujuan perumahan.

Dalam pengumuman yang dibuat baru-baru ini orang ramai telah diberitahu yang kerja-kerja penyediaan tempat sedang giat diselenggarakan di kawasan-kawasan yang ditentukan di semua daerah. Di Daerah Brunei dan Muara ialah kawasan Lambak Kiri, di Daerah Tutong ialah di kawasan Telisai, di Daerah Temburong ialah di kawasan Rataie dan di Daerah Belait ialah di kawasan Kampong Mumong dan di Jalan Tiga Selatan, Seria. Ini menggambarkan adanya usaha sedang dibuat, sekalipun dalam diam-diam, yang menepati skim itu di seluruh negara. Ia tentulah suatu usaha dan kerja yang besar. Tetapi kita boleh menaruh kepercayaan yang bulat bahawa Kerajaan menerusi Kementerian Pembangunan berupaya melaksanakannya dan menepati tujuan yang dihasratkan.

Bagi yang sudah mengetahui yang mereka itu sudah terpilih mendapat pengurniaan di bawah skim tersebut tentulah selayaknya menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dengan penuh perasaan syukur ke hadrat Allah yang mentaufikan hajat mereka dengan hasrat Baginda itu. Sementara orang-orang lain yang memohon dan belum mengetahui keputusan patutlah bersabar. Sikap bersyukur dan bersabar adalah suatu pembawaan yang bijak dan berhikmat.

# ISRAK MIKRAJ PENGAJARAN BAGI MANUSIA

Oleh Ahat Ismail

MUARA. — Peristiwa semasa Israk Mikraj yang diperlihatkan Allah kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam adalah merupakan pengajaran, iktibar dan contoh teladan bagi manusia agar sentiasa menginsafi segala tindak-tanduk kehidupan di dunia di samping takutkan azab Allah di akhirat.

Peristiwa-peristiwa yang diperlihatkan itu bertujuan untuk menyedarkan manusia supaya tidak lalai dalam kehidupan di dunia dan apa yang diperlihatkan itu merupakan kejadian-kejadian masa lalu, masa kini dan masa akan datang.

Pegawai Pelajaran Ugama, Datin Hajjah Maznah binti Muhammad berucap demikian semasa menyampaikan ceramah sempena sambutan Israk Mikraj di Istana Darul Aman Sabtu lepas, selanjutnya menceritakan tentang kaum wanita yang ingkar terhadap tanggungjawab sebagai isteri yang berugama Islam.

### KEADAAN WANITA

Dalam ceramahnya itu, beliau telah menceritakan tentang perjalanan Israk Mikraj Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di mana dalam perjalanan tersebut Baginda telah melihat golongan wanita menanggung berbagai azab antaranya perempuan menangis meminta tolong tetapi tidak diperdulikan, perempuan dililit tengkuknya dengan rantai, perempuan dibakar mukanya serta lidahnya terjulur-julur hingga ke dada, juga diperlihatkan kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam wanita tergantung rambutnya manakala otak di kepalanya mendidih dan juga terdapat wanita-wanita menggigit kaki mereka sedang tangan ditekan ke muka yang menampakkan satu azab siksa dan lain-lain.

"Bermacam lagi keadaan yang diperlihatkan kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam hal-hal keadaan kita kaum wanita untuk menjadi peringatan dan pelajaran kepada kita supaya kita selamat," ujarnya.

### KESEDARAN

Semua yang disebutkan itu katanya, hanya beberapa bahagian saja dan ianya adalah memberi gambaran kepada golongan wanita hari ini.

"Hal-hal kaum wanita banyak terdapat dalam peristiwa Israk Mikraj. Sepatutnya kitani anilah yang mendapat lebih manfaat, lebih waspada, insaf dan sedar serta taat kepada Allah."

Tetapi malang kata beliau, segala kenyataan ,yang diperlihatkan itu semakin teruk pula nampaknya dan semakin banyak yang berani mengingkari perintah-perintah Allah.

Pendeknya, tegasnya lagi kitani orang-orang perempuanlah yang banyak membuat onak. Padahal kalau nak dibandingkan siapa yang rajin mengikuti kisah-kisah Israk Mikraj ialah kitani orang-orang perempuan.



DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam telah berkenan berangkat ke Majlis Israk Mikraj Sabtu lepas yang berlangsung di Istana Darul Aman Muara.

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Norain, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Rakiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Nasibah, (lihat gambar).

Lebih dari 200 orang menghadiri majlis pada hari itu yang dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Hajjah Dayang Damit binti Md. Yusof.

Sebuah ceramah khas mengenai Israk Mikraj juga telah disampaikan oleh Pegawai Pelajaran Ugama, Datin Hajjah Maznah binti Muhammad.

# JURUTEKNIK PENERBANGAN YANG PERTAMA TAMAT KURSUS

Oleh Aisah Piee

PERKHEMAHAN BOLKIAH. — Seramai 17 orang juruteknik penerbangan yang pertama telah menamatkan latihan mereka, yang diakhiri dengan Perbarisan Tamat Latihan di Padang Kawad Pusat Latihan di sini pagi Jumaat lepas.

Ketujuh belas orang pelatih itu, termasuk empat darinya wanita telah lulus latihan tentera dan menamatkan kursus asas pemeliharaan pesawat terbang dari skim bersama Bahagian Technical Training and Ground Studies (TT & GS) Tentera Udara dan Maktab Teknik Sultan Saiful Rizal.

Skim tersebut adalah usaha ke arah mendapatkan teknisyen dari anak-anak tempatan bagi menggantikan teknisyen luar dalam jangka yang paling pendek tanpa pengorbanan mutu pekerjaan.

Ia juga mempunyai dua peringkat, peringkat pertama selama dua tahun dalam latihan asas penyediaan untuk dapat mengikuti kursus teknisyen di peringkat kedua bagi dua tahun lagi. Sebelum peringkat kedua, pelatih terlebih dahulu menjalani latihan dan memasuki tentera.

Dalam upacara perbarisan pagi itu, barisan pelatih telah diperiksa oleh Pegawai Menerima Tabik Kehormatan, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong, Pengarah Pelajaran, yang juga telah menyampaikan ucapannya dan hadiah-hadiah kepada empat orang rekrut terbaik.

Awang Haji Abu Bakar antara lain menasihatkan para rekrut supaya akan dapat menggunakan pengetahuan mereka dengan memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, serta contoh teladan kepada rekrut-rekrut berikutnya.

Rekrut terbaik dalam pengambilan pertama ini ialah 7945 Rek. Ak. Haji Zainal Arifin Pg. Haji Tuah, terbaik dalam Latihan Senjata ialah 7946 Rek. Ismail Haji Suhaili, sementara Latihan Jasmani terbaik ialah 7948 Rek. Rahman Maidin. Rekrut Terbaik Bahagian Wanita disandang oleh 20211 Rek. Siti Arabiah Abd. Hamid.



PENGARAH Pelajaran, Awang Haji Abu Bakar Haji Apong, Pegawai Menerima Tabik Kehormatan, ketika sedang memeriksa perbarisan rekrut pagi itu. — Gambar oleh Awangku Abu Bakar PHO.

## Kursus Diploma Kebangsaan Pertanian

BANDAR SERI BEGAWAN. — Permohonan kini sedang dibuka dari rakyat Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk mengikuti Kursus Diploma Kebangsaan Pertanian Brunei selama 2½ tahun bagi tahun pengajian 1985 di Pusat Latihan Pertanian Sinaut.

Borang permohonan bagi mengikuti kursus ini boleh didapati dari pajabat-pejabat pertanian di Daerah-daerah Brunei, Tutong, Belait dan Temburong. Tarikh tutup borang permohonan ialah 25 April, 1985.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS....Siri ke-274

# PUAK BATINIYYAH *Siri kedua*



KITAB "Maqatilut Talibiyyin" menceritakan tentang darah yang suci telah ditumpahkan dalam berbagai-bagi angkara dan fitnah yang tersebut itu dengan cara zalim dan aniaya. Dan umat Islam sangat dukacita dan sedih pada berlaku kezaliman dan aniaya ke atas Ahlil Bait Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam itu.

Seteru-seteru Islam berpura-pura berpihak kepada Ahlil Bait atau dalam Bahasa Arab membuat "Tasyayyu" dengan membuat helah pada mengumpulkan pengikut-pengikut dan angkatan kumpulan, dan menubuhkan pertubuhan-pertubuhan sulit dengan tujuan menyiarkan dan mengembangkan ajaran-ajaran Mazhab Batin atau ajaran-ajaran Mazhab Ibahah (tiada kenal halal haram), bujur lalu melintang patah, dan Mazhab Ilhad (keluar dari Ugama Islam) dan mereka jadikan Tasyayyu' (berpihak kepada Ahlil Bait) sebagai topeng dan selindung terhadap apa yang mereka akan kembangkan kepada umat Islam dari kejahatan dan kecelakaan dan keruntuhan dan berbagai-bagai Ibahah dan Muruq keluar meloncat dari Islam semenjak beberapa kurun pada berbagai-bagai tempat di dalam negeri-negeri Islam.

Orang-orang itu telah berjaya menipu orang awam Islam, dengan mengaku bernasab kepada Ahlil Bait Rasulullah dengan jalan mengaku secara bohong dan dusta dengan ada datok nenek mereka yang sulit dan tersembunyi, dengan sebab bersembunyi kebanyakan Ahlil Bait ketika berlaku sesuatu huru-hara, kerana takutkan keganasan ahli-ahli pelampau dari Ahli Siasah Bani Umayyah dan Bani Abbas itu mereka menyembunyikan diri.

Orang-orang yang mengkaji darihal perpindahan Mamun bin Daisan ketua besar puak Mazhab Batiniyyah Asfahan (Iran), ke Ahwaz (Iran), kemudian ke Basarah (Iraq). Ia berpura-pura pada masa itu sebagai seorang keturunan keluarga (Ali) Aqil Abi Talib, saudara Sayidina 'Ali Karramallahu Wajhahu, seorang sahabat yang bijak dalam perkara nasab, kemudian Maimun itu berpindah ke Kampung Salamyah dekat Hams di Sham (Suria) dan dari hal ia menjadikan Salamyah pengkalan tempat ia mengajak orang kepada Ibahah Batiniyyah dengan mengaku bahawa ia bernasab berketurunan daripada Al-Imam Muhammad bin Ismail bin Jaafar (As-Sadiq) 'Alaihimus Salam di sana, pada hal diketahui Al-Imam Muhammad itu mati dengan tiada meninggalkan keturunan, kemudian itu mati dengan tiada meninggalkan keturunan, kemudian Maimun itu mengirimkan orang-orang pendakwah (Du'at) kepada lain-lain tempat dan negeri, dengan membekalkan mereka cara-cara mengajak orang pada masuk ke dalam mazhab Batini itu dengan berperingkat-peringkat sebanyak sembilan peringkat, bagaimana telah disebutkan dalam kitab Khitatul Maqrizi (2 S. 227), dan dari Salamyah ia mengirimkan orang pendakwah (ejen) ke Kufah atau ke Yaman dari sana ia mengirimkan orang pendakwah (e jen) ke Negeri Maghribi (Utara Afrika).

## PEMIMPIN PUAK BATINIYYAH

SEBAHAGIAN daripada orang yang terkenal dari puak Batiniyyah ialah (Hamdan bin Al-Asy'ath) yang digelarkan dengan "Qarmat" yang berpengkalan di kawasan Kuffah dan saudaranya (Maimun), yang dihantarkan kemudian ke kawasan Khurasan dan (Abu Syamah Al-Husain) dan (Abdan) dan (Abu Sa'ed Hassan bin Bahram Al-Jannabi) dan anak-anaknya (Abu Tahir Sulaiman dan Sa'ed) dan (Ibnu Haushab) dan (Abu Abdullah Ashshi'ei) dan saudaranya (Abul 'Abbas), kedua-duanya diutus ke sebelah kawasan Maghribi (Utara Afrika) untuk mengajak orang kepada ('Ubaidul Mahdi) dan (Al-Hassan bin Mahran Al-Muqanna') dan (Zikrawain bin Mahrawain) yang membuat kacau-bilau di Negeri Sham, dan (Al-Hassan bin As-Sabbah), Sahibul Maut, dan (Hamzah bin Ali).

Perkara-perkara yang dilakukan oleh mereka diketahui oleh orang yang membuat kajian tentang Ilmu Tarikh, tiap-tiap pemimpin-pemimpin Batiniyyah yang tersebut itu membuat berbagai-bagai perkara di dalam negeri di mana mereka berada, seperti Abu Tahir telah menawan Tanah Hijaz (Negeri-Negeri Mekah dan Madinah dan lain-lain) dan ia mencabut Al-Hajaral Aswad dan dibawanya ke tempat pengkalannya Al-Bahrain, (sekarang terletak di Pantai Timur Negeri Saudi) dan 'Ubaid dan kumpulannya (Al-'Ubaidiyyin) menawan Utara Afrika dan Negeri Mesir dan mereka mengajak Bangsa Saqlab yang diam di sebelah Negeri Bulgharia dan orang-orang Ruman dan Arman dan orang-orang Kutam dan lain-lain pemerintah umat Islam dan melakukan berbagai-bagai kezaliman dan aniaya ke atas mereka. Pemimpin-pemimpin mereka mengaku menjadi Tuhan dan menyebarkan perbuatan Ilhad (Atheis) dan kufur secara berterang-terangan setelah mereka membuat Ilhad dengan bersulit-sulit dan mereka mendedahkan negeri Islam supaya ditawan oleh puak-puak Crossed (Salibiyyin) dan mereka membuka jalan kepada kaum Salib Crossed menyerang dan menawan negeri Islam dan lain-lain rupa kejahatan yang tiada dapat ditulis.

## MENDAKWA BERNASAB KEPADA AHLIL BAIT:

Suatu perkara yang pelik dan ajaib bahawa orang-orang Batiniyyah yang Mulhid kafir itu mendakwa bernasab dan keturunan kepada Ahlil Bait Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan satu kumpulan pula menyokong dan membesar-besarkan dakwaan Ahlil Ilhad itu Maha Suci Allah Taala pada menjadikan Ahlil Bait Rasulullah, ejen-ejen Batiniyyah itu menyeru kepada Ilhad dan kufur dan merobohkan Islam dan menaburkan Ibahah dan lucah, bahkan Allah Taala mensucikan Ahlil Bait dari perkara-perkara yang buruk itu.

Ramai orang-orang yang ahli ilmu nasab bersifat jahat, menjual surat-surat salasilah nasab dengan harga yang murah sepanjang kurun Islam, setengah dari misal yang buruk iaitu apa yang disebutkan dalam tarikh bahawa Ahli Nasab An-Naqib 'Umaru Makram, semasa pemerintahan Raja Mesir Muhammad Ali Basha, memasukkan banyak petani dari bangsa Qibti dan Yahudi dalam Nasab Ahlil Bait, sehingga kebanyakkan ulama pada masa itu bangkit membuat pengaduan kepada Raja Mesir itu, setengah daripada ulama itu ialah' Al-Allamatu Muhammad Al-Amiru Syeikh Masyayikh Al-Azhar yang terkenal dan dibawa kepengetahuan Khalifah Bani Othman di Istanbul dan Naqib itupun dipecah. Begitu juga berlaku seperti itu bagaimana telah disebutkan oleh Al-Allamatush Shihabul Khafaji seorang ulama Mesir dalam kurun kesebelas Hijrah dalam kitabnya Rahanatul Alibaa.'

Di sini sayugia diingatkan bahawa pendapat yang mengatakan "Bahawa manusia itu dipercayai pada nasab mereka" ertinya diterima jikalau seseorang menasabkan kanak-kanak yang tiada diketahui nasab kepadanya iaitu pada perkara yang tiada mendatangkan keuntungan dan maslahat kepada yang mengakukan nasab itu dan bukan ertinya wajib dipercayai tiap-tiap orang yang mendakwa nasab dan keturunan kepada nasab Ahlil Bait umpamanya dengan tiada mempunyai sesuatu salasilah yang sah pada Syara,' kalau tiada begitu, nescaya jadilah salasilah nasab itu bercampur aduk.

Barangsiapa menyangka bahawa keluarga 'Ubaid (Al-Ubaidiyyin) bersambung nasab kepada Saidina Ali Karramallu Wajhah, maka orang itu orang tiada hormat dalam bahathan dan susur galurnya, dia menerima sahaja dari mana-mana pihak, atau orang itu orang Nasibi yang bencikan Ahlil Bait, dia hendak menyapu arang kepada Ahlil Bait, atau orang itu orang yang bernasab kepada keluarga 'Ubaid sama ada benar atau dusta, hendak mendapat tempat dengan mengaku bernasab kepada Ahlil Bait itu, pada hal keluarga 'Ubaid itu telah diketahui oleh dunia Islam akan keburukkannya, atau orang-orang yang memperbanyakkan kawan-kawan sehingga orang-orang mulhid kafir yang mengaku nasab pun dibuat kawannya, sesungguhnya hinalah orang-orang yang membanyakkan kawan dengan seteru-seteru Allah Taala itu.

## FATWA KADI BESAR KERAJAAN BANI ABBAS

Siapa yang berpegang dengan Syariat Allah, tiadalah ia dapat mengabaikan fatwa yang dikeluarkan oleh Kadi Besar Kerajaan Bani Abbas yang diketahui ilmunya dan waranya iaitu Al-Imam Al-Allamah Abu Muhammad bin Al-Akfani setelah disaksikan oleh saksi-saksi pada perkara nasab keluarga 'Ubaid dan dihukumkan mereka tiada bernasab dengan nasab Ahlil Bait yang suci itu, setengah daripada ulama Islam yang termasyur dalam ilmu Islam, yang telah menurunkan tandatangan di atas fatwa dan keputusan itu, dan keputusan itu ditulis dalam buku-buku Tarikh Islam seperti Asy-Syarifur Ridha dan Asy-Syariful Murtadha, dan Ibnu Khazari dan Abu Hamid Al-Asfarayini dan Abu Abdullah Assaimari, dan Abdul Hussin Al-Quduri dan Abdul Fadzil Nasawi dan Abu Jaafar An-Nasafi dan lain-lain daripada kalangan ulama yang besar dalam mazhab yang empat.

## NAS/TEKS KEPUTUSAN FATWA

Apa yang telah disaksikan oleh saksi-saksi Mu'ad bin Ismail bin Abdur Rahman bin Saed yang bernasab kepada Daisan bin Saed yang bernasab kepada puak Daisaniah, dan orang yang timbul di Mesir iaitu Mansur bin Nazar yang bergelar dengan Al-Hakim (Allah Taala hukumkan dia dengan celaka dan binasa) Ibnu Mu'ad bin Ismail bin Abdur Rahman bin Sa'ed (tiadalah Allah memberi kebahagiaan kepadanya) dan bahawa dato nenek mereka yang dahulu najis dan kotor, (dilaknat Allah Taala akan mereka dan dilaknat oleh orang-orang yang melaknat daripada malaikat dan manusia sekalian) semuanya itu mengaku nasab kepada Ahlil Bait padahal mereka tiada bernasab dan keluar nasab mereka dari nasab anak-anak Sayidina Ali bin Abi Talib Radhiallahu Anhu dan apa yang mereka mengaku bernasab kepada anak-anak Sayidina Ali itu semuanya itu dusta dan batil tiada benar dan orang yang timbul di Negeri Mesir itu, bahawa dia dan dato neneknya itu semuanya orang kafir, zindik-zindik munafik (menyembunyikan kufur), mulhid, Mu'attil membuang segala hukum, engkarkan agama Islam, Ibahi (menghalalkan Kemaluan), menghalalkan arak, menyeranah memaki Nabi-Nabi Allah, dan mengaku menjadi Tuhan, surat ini ditulis pada bulan Rabiulawal tahun 402 (empat ratus dua Hijrah).

Orang Muslim tiada berani membuat suatu keputusan seperti keputusan yang di atas ini, jika perkara itu tiada terang atau tiada nyata kepadanya seperti terang cahaya pagi, tambahan orang-orang yang menurunkan tandatangan ialah pemimpin kalangan ulama bukan tiada diketahui akan hal-ehwal mereka, bahkan siapa mengkaji dari hal ulama yang menurunkan tandatangan di atas surat keputusan itu, maka ia yakin bahawa serendah-rendah ulama daripada kalangan mereka sukakan mati dari mengeluarkan suatu hukum yang menyalahi Syara' pada pandangannya, di mana ada ulama seperti gunung tentang agama dan (istiqamahnya) sikap dan pendiriannya siapa ada seperti Al-Imam Abu Bakar Al-Baqillani? Maka Al-Imam itu bersama-sama lain ulama besar pada menolak 'ubaid dari bernasab dengan nasab yang mulia dan suci itu.

Jikalau kita hendak sebutkan satu persatunya akan ulama-ulama besar yang lain yang berpendapat sama dengan pendapat yang tersebut di atas, nescaya panjang perbicaraannya, adalah khalifah pada masa itu ialah Al-Khalifatul Qadir, baginda tiada berkuasa hendak memaksa ulama-ulama besar yang menurunkan tandatangan itu, supaya berkata lain dari apa yang mereka berpendapat, bahkan jikalau baginda berbuat begitu nescaya baginda akan dipecat dari jawatan khalifah, kerana ulama-ulama besar yang tersebut ketika itu adalah pihak yang berkuasa (Ahlul Hilli Wal'audi) pada mengangkat raja, serta ulama-ulama besar yang tersebut tinggi darjat mereka, pada pandangan umat Islam ketika itu, apa yang dibatalkan oleh mereka itulah yang batil dan salah, dan apa keputusan yang diambil oleh mereka itulah sahaja keputusan, tambahan pula Al-Khalifatul Qadir tiada didapati di dalam Tarikh bahawa baginda seorang raja yang zalim, bahkan Tarikh menyebutkan baginda dengan bersifat takwa dan barangsiapa menyangka bahawa ulama-ulama besar itu tunduk di bawah telunjuk orang zalim, nescaya ia berkata batil kepada mereka dan ia tiada mengerti keadaan istiqamah lurus perjalanan dan budi bicara mereka, barangkali orang yang berkata dengan apa yang tiada ada pada ulama besar itu, menyangka ulama besar seperti keadaan orang itu yang cenderung pada perkara yang batil dan salah, dengan sedikit isyarat daripada pihak atas dan rangkap syair yang dikatakan dibuat oleh Asy-Syarifur Ridha pada mengaku nasab 'Ubaid dan keluarganya (Al-Ubaidiyyin) itu adalah dibuat-buat, perkara yang diada-adakan dalam kumpulan (antologi) syairnya itu, dan tiadalah munasabah dan tiada diterima oleh akal bahawa Asy-Syarifur Ridha bermuka-muka.

(Bersambung)

WALLAHUAKLAM

## Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 24 April, 1985 hingga ke hari Selasa 30 April, 1985 adalah seperti di bawah ini : —

| HARI BULAN | ZUHUR | | ASAR | | MAGHRIB | | ISYAK | | IMSAK | SUBUH | | MATA-HARI TERBIT |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | | Mulai | Berakhir | |
| April | | | | | | | | | | | | |
| 24–25 | 12.25 | 3.39 | 3.40 | 6.30 | 6.31 | 7.42 | 7.43 | 4.55 | 4.42 | 4.56 | 6.09 | 6.10 |
| 26–30 | 12.24 | 3.38 | 3.39 | 6.30 | 6.31 | 7.42 | 7.43 | 4.54 | 4.41 | 4.55 | 6.08 | 6.09 |

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu. Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

# MPUSB DAN PKPSMA JOHAN NASYID SENEGERI

Oleh Zubaidah HS

Gambar-gambar oleh Harun Rashid

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pertandingan Nasyid Peringkat Akhir Senegeri sempena sambutan Israk dan Mikraj telah berlangsung di Dewan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan di sini pada malam Rabu lepas.

Pertandingan yang disiarkan secara langsung oleh Radio dan Televisyen Brunei itu telah disertai oleh lapan pasukan nasyid yang telah berjaya ke peringkat akhir yang mana empat darinya adalah pasukan perempuan.

Pasukan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan telah muncul sebagai johan lelaki dengan mata kemenangan 83.88 peratus. Pasukan yang diketuai oleh Ak. Haji Hamzah bin Pg. Haji Muhammad ini telah membawakan nasyid yang bertajuk ' Al-Quran Mukjizat Agung '. Pasukan ini juga telah menyandang johan pada tahun lepas.

Sementara pasukan dari Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei Darussalam (TEGUH) telah menyandang tempat kedua dengan memungut markah 81.88 peratus. Pasukan ini diketuai oleh Awang Mahir bin Mohd. Yusof dengan nasyid yang berjudul ' Al-Quran Menyeru Keimanan '.

Sementara tempat ketiga telah dimenangi oleh pasukan Kelas Al-Quran dan Zikir Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Batalion Kedua Tutong Kem dengan markah kemenangan 79 peratus. Pasukan ini diketuai oleh Awang Haji Serudin bin Haji Mohammad dengan membawakan nasyid yang bertajuk 'Berpandukan Al-Quran Dan Sunnah' dan merupakan julung-julung kali terpilih menyertai ke peringkat akhir ini.

Rijalul Ummah - Persatuan Perangkap pada tahun ini hanya berjaya menduduki tempat keempat dengan memperolehi markah 75 peratus. Pasukan ini membawakan nasyid yang bertajuk 'Bernegara Berlandaskan Islam'.

Seterusnya johan bahagian perempuan pula telah disandang oleh pasukan nasyid dari Persatuan Kebajikan Penuntut Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah dengan memperolehi markah 87 peratus. Pasukan ini diketuai oleh Dk. Radiah binti Pg. Tahir dengan membawakan nasyid yang bertajuk 'Haiya-Alal Falah'.

Kumpulan Al-Wardah Sekolah Agama (Arab) Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit muncul sebagai naib johan dengan memperolehi markah 83.6 peratus. Pasukan ini diketuai oleh Dayang Mariam binti Abd. Rahman dengan nasyid yang bertajuk 'Ajaran Al-Quran'. Pasukan ini juga pernah memenangi tempat yang pertama di pertandingan yang sama di tahun lepas.

Pasukan Rumpun Seni Lakun Negara (RUSILA) telah menduduki tempat ketiga dengan memperolehi markah 79.5 peratus. Pasukan yang diketuai oleh Dayang Hajjah Masni binti Haji Abd. Rahman ini telah membawakan nasyid yang bertajuk 'Bersama Menghayati Ajaran Al-Quran' dan ini adalah merupakan kali pertama pasukan ini berjaya memasuki peringkat akhir.

Sementara pasukan nasyid Sekolah Menengah Kerajaan Berakas telah muncul sebagai pemenang keempat dengan nasyid yang bertajuk 'Silaturahim Sumber Kekuatan'. Pasukan ini telah diketuai oleh Dayang Suzana binti Mirasan.

Johan pertandingan nasyid pada tahun ini telah menerima oskar rebutan, piala iringan, sijil penyertaan dan wang tunai berjumlah $2,000.

Sementara pemenang kedua menerima piala iringan, sijil penyertaan dan wang tunai sebanyak $1,700. Pemenang ketiga pula, juga menerima piala iringan, sijil penyertaan dan wang tunai sebanyak $1,500. Seterusnya pemenang keempat menerima piala iringan, sijil penyertaan dan wang tunai sebanyak $1,300.

Pertandingan yang dianjurkan oleh Bahagian Dakwah dan Tabliq Jabatan Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam ini merupakan projek tahunan jabatan tersebut dengan tujuan menghidupkan suasana Israk dan Mikraj junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Pihak penganjur juga telah memilih tema yang berbunyi 'BERSAMA MENGHAYATI AJARAN-AJARAN AL-QURAN' iaitu sesuai dengan konsep Negara Melayu Islam Beraja.

Sebelum pertandingan dimulakan pada malam tersebut Syarahan Khas mengenai Israk dan Mikraj telah disampaikan oleh Ustaz Haji Abdul Rajid bin Haji Abd Kadir, seorang pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam.

Hadiah-hadiah kepada pemenang telah disampaikan oleh tetamu kehormat di majlis itu, Yang Berbahagia Dato Paduka Awang Sidek bin Yahya, Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan negara Brunei Darussalam.





PASUKAN Nasyid Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan yang diketuai oleh Ak. Hj. Hamzah bin Pg. Hj. Muhammad menerima piala kejuaraannya yang disampaikan oleh Dato Paduka Awg. Sidek bin Yahya (atas). Johan bahagian perempuan pula telah disandang oleh Persatuan Kebajikan Penuntut Sekolah Menengah Arab yang diketuai oleh Dk. Radiah bte Pg. Tahir (gambar bawah).



WALAUPUN tanpa iringan muzik, tetapi lagu-lagu nasyid yang dipersembahkan dapat menarik perhatian penonton.





SEBAHAGIAN dari para hadirin di majlis tersebut.



TUAN Yang Terutama Pengiran Haji Idris ibni Al-Marhum Pengiran Temanggong Sahibul Bahar Pengiran Haji Mohammad, Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Amerika Syarikat dan Tuan Yang Terutama Awang Haji Omar bin Haji Serudin Wakil Tetap Negara Brunei Darussalam ke Bangsa-Bangsa Bersatu, New York bergambar ramai dengan keluarga dan kakitangan kedua-dua buah Pejabat Perwakilan selepas majlis membaca doa selamat sempena Hari Kebangsaan negara ini yang telah dilangsungkan di rumah kediaman rasmi Tuan Yang Terutama Duta Besar Negara Brunei Darussalam, di Washington D.C. (atas).

TUAN Yang Terutama Pengiran Haji Idris Ibni Al-Marhum Pengiran Temanggong Sahibul Bahar Pengiran Haji Mohammad, Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Amerika Syarikat dan Tuan Yang Terutama Awang Haji Omar bin Haji Serudin Wakil Tetap Negara Brunei Darussalam ke Bangsa-Bangsa Bersatu bergambar ramai bersama-sama para pegawai dan isteri Pejabat Kedutaan Negara Brunei Darussalam di Washington dan Pejabat Perwakilan Tetap Negara Brunei Darussalam ke Bangsa-Bangsa Bersatu di New York dan seorang Pegawai Kanan Negara Brunei Darussalam yang sedang berada di Amerika Syarikat selepas mengadakan sambutan Hari Kebangsaan bertempat di 'Restaurant Watergate Hotel' (bawah).



## Pasukan Payung Terjun sertai kejohanan di Australia

BERAKAS. — Seramai sembilan orang anggota payung terjun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei kini berada di Australia bagi menyertai Kejohanan Payung Terjun Asia Pasifik yang berlangsung pada 22 hingga 30 April ini.

Pasukan payung terjun tersebut mewakili negara ini di kejohanan itu yang diadakan di Dookie College Victoria Australia. Ianya juga disertai oleh lebih enam buah negara-negara Asia Pasifik.

Rombongan yang mewakili negara ini terdiri daripada PW1 Matlimin Mumin, PW2 Agan Haji Bulidi, Sarjan Adli Mohd Yusof, Sarjan Muhidin Haji Alim, Sarjan Mintir Haji Duraman, Sarjan Ajak Ahmad, Koperal Parang Ngilau dan Koperal Zaini Haji Razali.

Mereka diketuai oleh YDM Pehin Datu Kesuma Diraja Mejar Haji Abdul Rahman Mustapha. Rombongan itu bertolak ke Australia pada 19 April lepas. — JOE.

## PUSAT SEJARAH AKAN TERBITKAN BEBERAPA BUAH BUKU SEJARAH — Awg. Mohammad

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pusat Sejarah Brunei akan mengeluarkan buku-buku sejarah yang berkemungkinan akan dijadikan buku teks sekolah di masa akan datang.

Proses untuk mengeluarkan buku-buku tersebut sedang dalam perlaksanaannya sekarang, antaranya buku 'Tarsilah Brunei' dan Riwayat Hidup Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien.

Ini telah dijelaskan oleh Ketua Pengarang Pusat Sejarah, Awang Muhammad bin Abdul Latif, ketika memberikan taklimat kepada seramai 42 orang penuntut dari Badan Dakwah Islamiah, Sekolah Menengah Awang Semaun, Sungai Kebun di sini ketika melawat pusat itu baru-baru ini.

Beliau juga telah menerangkan tujuan penubuhan pusat itu yang merangkumi segala aspek penyelidikan sejarah Brunei, menggumpul dan menyimpan bahan-bahan sejarah Brunei dan perkara-perkara yang bersangkutan dengannya sebagai bahan kajian, rujukan dan dibukukan.

Selain daripada itu, Pusat Sejarah juga menyelidik dan menyusun susur-galur kerabat Diraja dan sejarah Sultan-Sultan Brunei untuk diketahui oleh rakyat dan penduduk negara khasnya.

Awang Muhammad yang mengalu-alukan rombongan pelawat itu juga telah menerangkan dengan ringkas sejarah Kesultanan Raja-Raja Brunei dan hubungan persaudaraan di Alam Melayu, khususnya dengan Kesultanan Johor, Pahang, Suluk, Mindanao, Sambas dan Selangor melalui ikatan perkahwinan.

Rombongan pelawat dalam dua lawatan berasingan itu kemudiannya dibawa melawat ke beberapa bahagian pusat itu untuk meninjau secara dekat mengenai tugas dan kerja yang dikendalikan oleh tiap-tiap bahagian.



AWANG Muhammad sedang menunjukkan contoh buku 'Tarsilah Brunei' yang akan diterbitkan kepada penuntut-penuntut tersebut.

## Mengikuti kursus

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang Pegawai Kebajikan Masyarakat dari Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan berlepas ke Kuala Lumpur pada hari Ahad lepas untuk mengikuti kursus penempatan.

Dayang Hajjah Marhani binti Abdull Latif dan Pg. Mohd Yassin bin Pg. Haji Ahmad akan mengikuti kursus tersebut di Kementerian Kebajikan Masyarakat Malaysia selama sebulan.

## MAKLUMAN

MESYUARAT Agung Perwakilan Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei kali yang ke-35 1984 — 1985 yang dijadualkan pada 28 April, 1985 adalah ditunda kepada 19 Mei 1985, hari Ahad mulai jam 8.00 pagi di Dewan PGGMB, Bangunan Guru-Guru Melayu Brunei.

Oleh itu kepada ahli-ahli PGGMB yang telah menerima kad jemputan diminta mengambil maklum dan dipersilakan hadir dengan pakaian 'sesedap rasa' bagi menjayakan permesyuaratan tersebut.

## Memeluk Islam

KUALA BELAIT. — Seorang gadis puak Belait, Dayang Sally bte Abu, telah memeluk ugama Islam baru-baru ini dalam satu majlis yang berlangsung di rumah Awang Abu bin Ahmad, di Barek Letrik Jalan Badas di sini.

Dayang Sally yang kini memilih nama Islamnya sebagai Dayang Salmiah bte Abdullah, telah melafazkan ikrar Islamnya di hadapan Dayang Hajjah Azizah bte Nawi, Pembantu Kanan Perkembangan Ugama.

Majlis pengislaman hari itu telah dihadiri oleh Ustaz Haji Salim bin Haji Besar, Kadi Daerah Belait, Pegawai-pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama, Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan, Penghulu-penghulu dan Ketua-ketua Kampong dan Imam-imam Masjid sekitarnya.

## Mesyuarat Agung

BANDAR SERI BEGAWAN. — Mesyuarat Agung Kesatuan Pegawai-Pegawai Rendah Kerajaan akan diadakan pada hari Ahad 28 April.

Mesyuarat kali ke-14 itu akan diadakan di Bilik Kuliah Bangunan Peringatan Churchill mulai jam 8.00 pagi.

Di antara agenda yang akan dibincangkan dalam mesyuarat itu ialah pembubaran ahli jawatankuasa tadbir 1982/1984 dan perlantikan jawatankuasa tadbir baru 1982/1987.

Ahli-ahli kesatuan itu adalah dipersilakan hadir ke mesyuarat tersebut.

Dari muka 3

kesedaran ke dalam masyarakat mereka."

### MENGEMBALIKAN

"Insya-Allah," kata Yang Dimuliakan Pehin, "perkembangan tersebut akan dapat mengembalikan semula apa yang dinamakan asas ketahanan negara Islam yang mana sudah luput berkurun-kurun lamanya".

Seterusnya beliau menyatakan bahawa satu ketika dulu anak-anak muda yang dihantar ke negara-negara Barat dan Amerika begitu dicurigai dan terbukti bersikap sebagai apa yang terdapat pada bangsa-bangsa Barat dan seterusnya menjadi penyokong kepada sistem yang dikembangkan oleh kuasa-kuasa asing di negara Islam.

Walau bagaimanapun dalam dekad-dekad terakhir ini kata Yang Dimuliakan Pehin, Barat dan Amerika hanya menyaksikan kebanjiran umat Islam dari pelusuk dunia kesemuanya dengan azam serta tekad untuk mengasuh dan mengasah fahaman keIslaman mereka sebagai benteng generasi zaman ini.

# Pegawai Ukur bertugas di Sweden

BERAKAS. — Dua orang Pegawai Kanan Jabatan Ukur baru-baru ini telah berlepas ke Sweden untuk bertugas lebih kurang 3 bulan di Swedsurvey, Overseas Agency of the National Land Survey of Sweeden.

Mereka ialah Awang Naweh Abu Hanafiah, Juruteknik Ukur Kanan dan Awang Peter Berratt, Juruukur Tanah.

Semasa berada di sana mereka akan bertugas dengan pakar-pakar di Sweeden bagi mengubah suai program-program komputer yang diperlukan di Jabatan Ukur.

Menurut siaran yang dikeluarkan oleh jabatan tersebut komputer yang terdapat di jabatan itu ialah jenis Prime System, iaitu jenis yang sama digunakan oleh Swedsurvey, dan ianya akan dapat mengadakan bank data tanah untuk mewujudkan sistem maklumat tanah bagi keperluan pentadbiran tanah, Perancang Bandar dan Desa dan lain-lain lagi.



PAMERAN gambar-gambar sempena memperingati Pemasyhuran Kemerdekaan dan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam pada tahun 1984, telah dipreview oleh Pegawai Daerah Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin di Dewan Kemasyarakatan Kuala Belait pada 21 April, 1985 (gambar atas). Pameran itu adalah anjuran Jabatan Muzium dengan kerjasama Jabatan Daerah Belait. Pameran selama seminggu itu diadakan sehingga 27 April, 1985. — Gambar ihsan Muzium Brunei.

# KURSUS PEMBORONG BUMIPUTERA

GADONG. — Ke arah mendekatkan dan mendedahkan serta melatih para pemborong Bumiputera di negara ini bagi meningkatkan prestasi kerja dalam pemborongan, Jabatan Kerja Raya melalui unit latihannya telah menganjurkan satu kursus kawalan mutu kerja mengkonkrit baru-baru ini.

Kursus berbentuk seminar selama tiga hari berturut-turut itu disertai lebih 50 pemborong Bumiputera termasuk wakil-wakil dari jabatan-jabatan kerajaan.

Di sepanjang kursus tersebut mereka telah dilibatkan dengan beberapa program ke atas kerja mengkonkrit. Di samping itu para peserta juga dilibatkan dengan kerja-kerja praktikal dan mengenal beberapa jenis bahan kimia dan peralatan pemborongan.

Kursus itu diakhiri dengan upacara penyampaian sijil-sijil kepada para peserta kursus.

Sebelum itu satu majlis dialog telah diadakan berkenaan dengan pengkonkritan dan pemborongan di antara peserta kursus dengan pegawai-pegawai kanan Jabatan Kerja Raya. — JHAL.



SALAH seorang peserta kursus pemborongan menerima sijil dari Awg. Baharuddin bin Dato Hj. Talib — Gambar oleh Rabae Sabli.

## *Anggota Polis berkursus*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Empat orang anggota Polis Diraja Brunei kini berada di Kuala Lumpur untuk mengikuti Kursus Cap Jari di Pusat Pendaftaran Jenayah Polis Diraja Malaysia, Bukit Aman.

Mereka ialah Kpl. Liman bin Kumpu, Kpl. Md. Sofian bin Abdullah, W/PC Minah binti Nudin dan W/PC Dk Salmah binti Pengiran Duraman.

Mereka akan berada di sana selama kira-kira empat minggu dan seterusnya akan ditempatkan di Balai Polis Diraja Malaysia untuk mendapatkan pengalaman praktikal.

# HAPUS PENYAKIT CAMPAK sambungan dari muka 9

diberikan suntikan oleh kakitangan Kesihatan Sekolah mereka. Mungkin juga ada di sekolah golongan ketiga, mereka yang dalam perumuran yang sama tetapi tidak bersekolah, boleh mendapatkan suntikan dari Pusat Suntikan rumah-rumah sakit di negara ini, pada waktu bekerja.

Selanjutnya marilah kita membuat perbandingan tentang penyakit campak. Di beberapa negara membangun di mana rakyatnya kurang makanan dan tidak diberikan suntikan oleh kerajaan, didapati bahawa dalam 100 kanak-kanak yang kena penyakit campak kira-kira 10 orang daripadanya meninggal dunia kerana penyakit ini.

Bertentangan dengan ini pula, di Negara Brunei Darussalam di mana rakyatnya diberikan suntikan dan tidak mempunyai masalah makanan, kadar kematian pula pada tahun lalu hanya dua orang dari 300 orang kanak-kanak yang kena penyakit campak. INI NYATA MENUNJUKKAN BETAPA PERI MUSTAHAKNYA SUNTIKAN PENYAKIT CAMPAK.

Dalam tahun 1984 kadar kanak-kanak yang diberikan suntikan mencegah penyakit campak ialah kira-kira 80%. INI MENGGALAKKAN, DAN UNTUK MENCAPAI KADAR 100% TIDAKLAH SEPATUTNYA SUSAH.

Di Negara Brunei Darussalam, orang-orang yang terkena penyakit campak adalah mereka yang dalam lingkungan umur setahun hingga 19 tahun. Mereka yang kena penyakit campak dalam lingkungan umur 5 — 19 tahun mungkin disebabkan mereka tidak mendapat suntikan atau darah mereka tidak begitu kuat untuk melawan penyakit ini. KERJASAMA MEREKA DALAM PERUMURAN INILAH YANG SANGAT-SANGAT DIHARAPKAN OLEH BAHAGIAN KESIHATAN. Ini hanya akan terlaksana jika perlindungan mereka menggalakkan mereka bekerjasama dalam MENJAYAKAN KEMPEN INI. Amerika Syarikat sudahpun berjaya menghapuskan penyakit campak pada tahun 1982.

Penyakit campak merupakan penyakit yang sangat berjangkit di seluruh dunia. IANYA MERUPAKAN ANCAMAN TERHADAP KANAK-KANAK. Semakin rendah umur kanak-kanak, semakin rumitlah penyakit ini bagi mereka; penyakit ini merebak melalui sentuhan secara langsung. Setelah seseorang budak terdedah kepada seorang yang kena penyakit campak, pada umurnya kira-kira 10 — 14 hari kemudiannya barulah ianya merasa kurang sihat, misalnya batuk, demam panas dan selesma. Bintik-bintik putih pun beransur-ansur timbul di bahagian dalam pipi (ini dikenali sebagai Bintik Koplik). Beberapa hari kemudian ruam yang berbintik-bintik merah tumbuh pada badan kanak-kanak itu dan ia pun gelisah dengan suhu badan yang tinggi. Selepas 4 — 5 hari kemudianya ruam pun beransur reda dan suhu badannya turun.

Kanak-kanak berkenaan mungkin sudah sembuh atau mungkin menghadapi kerumitan seperti Otitis media, penyakit radang paru-paru, ceret-beret dan muntah, ensefalitis (penyakit bahagian otak), rosak saraf dengan teruk dan juga kematian. Semuanya ini boleh dihindarkan dengan cara menyuntik kanak-kanak dan mengasingkannya dan mengurung ianya di rumah.

Jadikanlah Negara Brunei Darussalam sebagai salah sebuah negara yang pertama kali menghapuskan penyakit campak.

sambungan dari muka 9

Ujian untuk menetapkan penyakit campak dibuat di Makmal Mikrobiologi dengan tujuan untuk mengesahkan yang kanak-kanak tersebut telah dijangkiti. Kahak pesakit yang dikeluarkan melalui saluran hidung dengan memakai pam akan diproses denga cara 'Immunofluorescent Antibody Technique' menggunakan teropong 'Fluorescence Microscope'. Sel yang mengandungi kuman virus 'measles' akan kelihatan mengelurkan cahaya berwarna hijau. Darah pesakit juga boleh diuji dengan cara 'Serology' untuk menetapkan jika sudah terdapat lalian hasil jangkitan tersebut.

Suntikan mencegah campak hendaklah diberikan pada kanak-kanak berumur lapan atau sembilan bulan yang belum mempunyai lalian. Ubat suntikan tesebut mengandungi kuman virus 'measles' yang sudah dilemahkan agar tidak menyebabkan penyakit tetapi sebaliknya menghasilkan lalaian pada kanak-kanak tersebut. Dengan demikian mereka itu tidak lagi akan dijangkiti. Oleh sebab mencegah jangkitan lebih baik daripada mengubati apabila dijangkiti, suntikan sangatlah mustahak. Langkah-langkah awal juga perlu diambil jika baru terjangkit supaya tidak melarat pada jangkitan kedua yang sangat merbahaya. Kesan sampingan akibat menerima suntikan termasuklah terjadi bintik-bintik yang mana cepat hilang, jadinya kesan sampingannya tidaklah membahayakan jika dibandingkan dengan kesan serangan penyakit ini. Suntikan tersebut dipercayai berkesan dan boleh melindungi seumur hidup, sebab itu mereka yang mempunyai lalian tidak akan diserang lagi.

# Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak dari 24 hingga 30 April, 1985

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA | |
|---|---|---|---|---|
| Sekolah Rendah Kerajaan Limau Manis | 24.4.1985 | Rabu | 8.30– 9.30 | pagi |
| Sekolah Rendah Kerajaan Pengkalan Batu | 24.4.1985 | Rabu | 9.45–10.45 | „ |
| Sekolah Rendah Kerajaan Masin | 24.4.1985 | Rabu | 11.00–12.00 | t/hari |
| Di Hadapan Sekolah Rendah Kerajaan Kupang | 24.4.1985 | Rabu | 2.00– 3.00 | petang |
| Sekolah Rendah Kerajaan Jerudong | 27.4.1985 | Sabtu | 8.30– 9.30 | pagi |
| Pusat Tahanan Jerudong | 27.4.1985 | Sabtu | 9.45–10.45 | pagi |
| Sekolah Rendah Kerajaan Sengkurong | 27.4.1985 | Sabtu | 11.00–12.00 | t/hari |
| Di hadapan rumah Penghulu Mukim Serasa Muara | 28.4.1985 | Ahad | 9.00–10.00 | pagi |
| Di kawasan rumah Ketua Kampong Masjid Lama, Muara | 28.4.1985 | Ahad | 10.15–11.15 | „ |
| Di hadapan Kedai Pekan Muara | 28.4.1985 | Ahad | 11.30–12.00 | t/hari |
| Sekolah Rendah Kerajaan Lumapas | 29.4.1985 | Isnin | 9.30–10.30 | pagi |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bahagian Rendah) | 29.4.1985 | Isnin | 2.00– 3.00 | petang |
| Sekolah Ugama Kampong Perpindahan, Berakas | 29.4.1985 | Isnin | 3.30– 4.30 | „ |
| Sekolah Rendah Kerajaan Orang Kaya Besar Imas, Subok | 30.4.1985 | Selasa | 8.30– 9.30 | pagi |
| Sekolah Rendah Kerajaan Dato Mahawangsa Lambak | 30.4.1985 | Selasa | 10.30–11.30 | „ |

# rtb Intisari minggu ini

## Radio Minggu Ini:

## TAMAN MEKAR MENDAPAT SAMBUTAN

DALAM putaran rancangan-rancangan radio yang bercorak kreatif dewasa ini, rancangan Taman Mekar begitu menonjol sekali peminatnya, khusus dalam penulisan cerita untuk kanak-kanak. Baik karya itu berbentuk cerpen, puisi yang meliputi pantun, sajak mahupun teka-teki.

Motif atau tema yang diajukan oleh penulis di dalam rancangan ini amat menggalakkan kerana ianya betul-betul meliputi untuk tatapan pendengar dalam golongan kanak-kanak dari peringkat prasekolah atau tadika hingga ke peringkat persekolahan dalam darjah empat, lima dan enam (Darjah IV, V dan VI) sesuailah dengan kehendak atau message yang mahu dikeudarakan oleh rancangan ini.

Ke arah penyertaan penulisan dari kanak-kanak dalam beberapa peringkat yang berkenaan itu, radio tidak lupa mengucapkan berbanyak-banyak ribuan terima kasih di atas penyertaan dan sumbangsih yang sedemikin. Eloklah di masa-masa yang akan datang penyertaan di semua peringkat umur dalam rancangan ini amat dialu-alukan. Baik dalam bentuk penyertaan pembuatan cerita mahupun untuk menjadi penyampai dalam rancangan ini sebagai tukang penuturnya.

Jangan lupa pula kepada awda pendengar sekalian yang sama-sama mengikuti rancangan mingguan Taman Mekar ini supaya akan dapat memberikan sudut pandangan atau komen seperti di mana kejayaan, di mana kelemahan atau penarikan isi yang terkandung di dalam rancangan ini yang perlu dipertahankan atau diperkekalkan sebagai sebuah isi rancangan yang bersesuaian dan menarik. Atau di mana sesuatu isi rancangan ini yang perlu ditambah, dikurangkan atau sebaliknya. Pandangan atau komen dari pendengar amat radio alu-alukan. Agar setiap kepincangan yang mungkin ada itu, kami dari pihak radio akan cuba mengatasinya.

Jika kita kenangkan kembali corak persembahan dari adik Puput Novel umpamanya, di mana ia selaku artis undangan bagi radio untuk adik-adik itu, ternyata sambutan dari adik-adik dan kanak-kanak di tanahair kita ini menampakkan sambutan yang baik. Ini terbukti dari lambaran persuratan yang diterima oleh adik Puput Novel hingga menjangkau ke angka 2 ribu keping lambaran.

Dari gambaran ini menunjukkan bahawa corak persembahan yang dipersembahkan dan dipertunjukkan oleh adik Puput Novel itu memberikan satu nafas baru dadalam bentuk hiburan dan persembahan buat perbandingan artis kanak-kanak di negara kita ini. Tinggal lagi sebagaimana perbandingan pepatah kita ada menyebutkan bahawa perkara yang baik itu seharusnya kita jadikan teladan dan yang buruk itu kita jadikan sempadan. Apa lagi dalam memberikan pimpinan dan ajaran untuk anak-anak dan kanak-kanak kita dewasa ini.

Ke arah inilah Taman Mekar akan sentiasa mencari, menambah dan meningkatkan mutu persembahan dan bahan perancangan untuk halua pendengar sekalian, khususnya bagi adik-adik di negara kita Brunei Darussalam yang tercinta ini.

## Sandiwara Radio:

## 'Potret Di Atas Piano'

PENULIS dari Kota Kinabalu Sabah, minggu ini diberi peluang untuk mengisikan ruangan Sandiwara Radio yang berjudul "POTRET DI ATAS PIANO."

Sandiwara ini dimulakan dengan pertemuan di antara Mozaid dan Encik Hisyam ketika Encik Hisyam dalam perjalanan menuju ke lapangan terbang, untuk menyambut kedatangan anaknya. Ia terpaksa berjalan kaki kerana keretanya mengalami kerosakan. Mozaid yang menaruh rasa belas-kasihan terhadapnya terus bertindak menghantarnya ke arah tujuannya.

Sejak hari itulah Mozaid berkenalan dengan Nadia anak Encik Hisyam yang mempunyai kelulusan dari luar negeri. Lama-kelamaan persahabatan mereka menjadi kian rapat, sehinggakan kedua-duanya memutuskan untuk berkahwin setelah Nadia mendapat pekerjaan tetap.

Ibu Mozaid juga gembira bila mengetahui akan tujuan anaknya itu, walaupun ia belum pernah bertemu dengan Nadia, gadis yang menjadi pilihan anaknya itu.

Walaupun Mozaid sudah dewasa, ibunya masih belum sedia untuk membuka satu rahsia yang selama ini dipendamnya. Rahsia itu seperti dikuncinya bersama satu potret di atas piano yang tersimpan di sebuah bilik yang sentiasa dikunci. Semua ini menjadi tanda tanya pada Mozaid.

Hasrat Mozaid untuk benar-benar mengetahui perkara yang sebenar akhirnya tercapai juga. Ia memecah masuk ke bilik tersebut dan melihat sendiri gambar yang disembunyikan oleh ibunya selama ini. Nama pemilik gambar itu ada tercatat di belakang gambar tu.

Apakah rahsia di sebalik potret tersebut? Akan tercapaikah hasrat suci Nadia dan Mozaid? Untuk penjelasannya ikutilah rancangan ini di udara pada 28 April, 1985 jam 11.45 pagi.

Rancangan ini diterbitkan oleh Dk. Maskupah Pg. Tajuddin.

## Tetamu Radio



TETAMU Radio minggu ini ialah penyanyi veteran dari Daerah Belait, Sharifah Mahani bte Syed Abdul Rahman atau lebih dikenali dulu dengan nama S. Mahani. Ikutilah rancangan ini pada hari Ahad 28 April jam 4.30 petang dan ulangannya pada hari Rabu jam 2.00 petang.

## Pertandingan Bintang Remaja 1985

## Separuh Akhir No. 3

PARA muda remaja yang gambar-gambar mereka tertera di bawah telah terpilih ke Pertandingan Bintang Remaja 1985, Peringkat Separuh Akhir No. 3. Siarannya akan dapat awda saksikan pada hari Sabtu depan, kira-kira jam 9.15 malam.

Mereka ialah Roshani Haji Tassim, Norashikin Ramli, Annisa Moksin, Dk Shanisah Pg Metali, Lim Kim Hong dan Dk Salbiah Pg Buntar.



Roshani Haji Tassim



Norashikin Ramli



Annisa Moksin



Dk Shanisah Pg Metali



Lim Kim Hong



Dk Salbiah Pg Buntar



GAMBAR menunjukkan para artis yang mengambil bahagian dalam rancangan Nada Pedoman yang diterbitkan oleh Hasnan Suhaili.



DAYANG Hjh Norkhadibah Haji Mokta yang beralamat No. 1 Kampong Pengkalan Batu, Negara Brunei Darussalam, berkesempatan pula memilih sebanyak tujuh buah lagu kegemarannya menerusi rancangan ini Dari Pendengar Untuk Pendengar yang akan disiarkan pada hari Selasa 30 April, 1985 jam 4.00 petang.

## RANCANGAN TVP dari 29 April hingga 30 April 1985

### ISNIN — 29 APRIL

**PAGI**

8.50 SAINS UNTUK DARJAH 4 (Mamalia)

Rancangan ini menerangkan kepada murid-murid berkenaan dengan tiga kumpulan binatang Mamalia.

a) Binatang Maging
b) Binatang Maun
c) Binatang Maserba.

Bagaimanakah kita boleh mengetahuai kumpulan tersebut? Untuk penjelasan seterusnya ikutilah rancangan ini bersama-sama dengan Cikgu Satari.

9.20 LOOK, LISTEN AND SPEAK (Numbers 7, 8, 9 and 10)

Dalam rancangan ini Jay Jay belajar menghitung angka-angka 7 hingga 10. Selepas menghitung Izat, Jay Jay dan Bee Bee menyanyikan lagu mengenai angka-angka tersebut.

Di Magic Pool mereka nampak perkataan-perkataan yang bermula dengan huruf 'K'. Bila mereka jumpa Owl, Owl bercerita tentang kejujuran seorang budak yang miskin.

10.05 MARI BERCERITA (Anjing Menjamu Bangau)

10.35 SAINS UNTUK DARJAH 6 (Mesin Mudah 2)

Rancangan ini adalah lanjutan dari rancangan 'Mesin Mudah 1'. Rancangan ini menerangkan lebih lanjut lagi mengenai salah satu jenis mesin mudah iaitu tuas.

Apakah dia tuas? Bagaimana tuas digunakan? Apakah tuas masih digunakan hingga ke hari ini? Ikutilah rancangan ini untuk mengetahui jawapannya.

### SELASA—30 APRIL

**PAGI**

8.50 SIARAN ULANGAN SAINS UNTUK DARJAH 4 (Mamalia)

9.20 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK (Numbers 7, 8, 9 and 10).

10.05 MARI BERCERITA (Singa Dengan Tikus)

10.35 SIARAN ULANGAN SAINS UNTUK DARJAH 6 (Mesin Mudah 2)

## *Ikan Masak Lemak Pekat*

BAHAN-BAHANNYA :—

1 kati ikan
1 gelas pati santan
8 biji buah keras
10 biji bawang merah
4 biji bawang putih
2 inci halia
1 sudu makan serbuk kukunyit
1 sudu makan serbuk lada sulah
1 sudu jintan manis

UNTUK PENUMISNYA :—

1 cawan minyak makan
3 biji bawang merah dimayang
6 biji limau kasturi diambil airnya
2 biji bawang besar dipotong bulat.

CARA MEMASAKNYA :—

Panaskan periuk apabila panas masukkan minyak dan tumiskan garam. Masukkan bawang merah yang dimayang tadi, gorengkan hingga kering dan masukkan rempah yang digiling tadi dan kacau rata-rata hingga kering airnya. Lepas itu masukkan air limau kasturi, pati santan, gula dan serbuk perasa hingga pekat. Kemudian masukkan ikan itu lepas itu tutup balik dan angkat setelah lebih kurang 5 minit.

# Rancangan Rancangan RADIO

## WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam setiap hari.

**SIARAN F.M. STEREO**

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

**GELOMBANG SEDERHANA**

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

## TIAP-TIAP HARI:

**PAGI**

| | |
|---|---|
| 6.00– 6.02 | Allah Peliharakan Sultan |
| 6.05 | Sinaran Wahyu |
| 6.15 | Pedoman Hidup |
| 6.30 | Membacakan Susunan Rancangan |
| 6.33 | Dendang Suria |
| 7.00 | Dendang Suria |
| 7.10 | Panduan Sukan |

**TENGAH HARI**

| | |
|---|---|
| 11.30–12.45 | Untuk Awda |
| 1.00 | Majalah Radio siaran asal dan ulangan (kecuali hari Jumaat dan Ahad) |

**PETANG**

| | |
|---|---|
| 4.30 | Rampai Petang |
| 6.00 | Menuju Keredaan Allah Siaran langsung menunaikan sembahyang Fardu Maghrib dari Masjid Omar Ali Saifuddin. |

**MALAM**

| | |
|---|---|
| 7.30 | Majalah Radio |
| 10.15 | Bacaan Al-Quran |
| 10.25 | Doa Restu |
| 10.29 | Allah Peliharakan Sultan. |

## WARTA BERITA:

| | | |
|---|---|---|
| 6.45 | pagi | (Berita Perdana) |
| 8.00 | pagi | |
| 10.00 | pagi | |
| 12.45 | tengah hari | |
| 1.30 | tengah hari | (hari Jumaat) |
| 3.00 | petang | |
| 5.30 | petang | (Berita Perdana) |
| 8.00 | malam | |

**MENYIARKAN AZAN:**

Zuhur, Asar, Maghrib dan Isyak.

## HARI RABU 24 APRIL

PAGI: 9.00—Taman Mekar (SU), 9.30—Pilihan Pendengar, 10.15 — Permintaan Pagi Rabu, 11.15 — Tinjauan.

TENGAH HARI: 1.30 — Seloka Merpati/Mutiara Asli.

PETANG: 2.00 — Tetamu Radio (SU), 2.30 — Hiburan, 3.15 — Lagu-lagu Tanpa Nyanyian, 3.30 — Forum (SU), 4.00 — Suara Kugiran (SU), 4.30 — Ruangan Katani, 5.00 — Rampai Petang, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Titian Budaya (SU), 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.30—Permintaan Sukaramai, 9.30 — Senandung Malam.

## HARI KHAMIS 25 APRIL

PAGI: 9.00 — Hiburan, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15—Ronggeng Tanahair (SU), 10.15 — Ciptaanku (SU), 10.30 — Permintaan Sukaramai, 11.30 — Untuk Awda.

TENGAH HARI: 1.30 — Sumbangsih/Senandung Lagu-lagu Lama (SU).

PETANG: 2.00 — Sekitar Masyarakat, 2.30 — Nada Pedoman (SU), 3.15 — Hiburan Selingan, 3.30 — Majalah Ugama, 4.00 — Citra Dalam Syair, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Bacaan Surah Yassin, 8.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.30 — Bimbingan Al-Quran, 9.00—Lagu-lagu Berirama Asli, 9.30 — Tafsir Al-Quran.

## HARI JUMAAT 26 APRIL

PAGI: 9.00 — Majalah Radio, 9.30 — Muzika Tanahair, 10.15 — Soalan Di Udara, 10.30 — Tafsir Al-Quran (SU), 11.00 — Lagu-lagu Berirama- Asli, 11.30 — Bimbingan Al-Quran (SU).

TENGAH HARI: 12.00 — Peduman Hidup, 12.15 — Bacaan Al-Quran, 12.30—Siaran Langsung Menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat, 1.15—Selingan Irama, 1.45—Lagu-lagu Instrumental Melayu.

PETANG: 2.00 — Keluarga Si Awang, 2.30 —Hiburan Petang, 3.15—Dendang Si Alai 3.30—Mingguan Pelajar, 4.00—Permintaan Jiran Tetangga, 4.30—Dunia Wanita, 5.00 — Suara Bintang-Bintang, 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat.

MALAM: 7.00 — Cerpen Dan Salukan, 8.15 Lagu-lagu Selingan, 8.30 — Majalah Ugama (SU), 9.00 — Alam Remaja (SU), 9.30 — Senandung Malam.

## HARI SABTU 27 APRIL

PAGI: 9.00—Mingguan Pelajar (SU), 9.30 —Hiburan Riang Ria, 9.45—Dendang Si Alai (SU), 10.15—Varia Peristiwa (SU) 10.30—Rampaisari.

TENGAH HARI: 1.30 — Mutiara Asli (SU).

PETANG: 2.00—Permintaan Hujung Minggu, 3.15—Hiburan Selingan, 3.30—Cerpen dan Salukan (SU), 4.00—Hiburan Petang, 4.15 — Soalan Di Udara, 4.30 — Rampai Petang, 5.45 — Kuliah Ugama.

MALAM: 7.00 — Hiburan Malam, 8.15 — Suara Bintang-bintang (SU), 8.45 — Bangsawan Di Udara (SU), 9.15 — Permintaan Malam Minggu.

## HARI AHAD 28 APRIL

PAGI: 9.00 — Taman Mekar, 9.30 — Pesta Pop, 10.15—Majalah Perdana (SU), 11.00 — Ciptaanku, 11.15 — Sandiwara Radio.

TENGAH HARI: 12.00—Tahniah dan Ucap Selamat, 1.00—Permintaan Dua Stesen.

PETANG: 2.00 — Hiburan Petang, 2.30 — Serbanika Hiburan, 3.15 — Titian Budaya, 3.30 — Suara Kugiran, 4.00 — Hiburan Petang, 4.30 — Tetamu Radio, 5.00 — Majalah Sukan, 5.45 — Senandung Senja/Selingan Irama.

MALAM: 7.00 — Seni dan Sastera, 8.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.30 — Suara Perajurit, 9.00 — Citra Dalam Syair (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar.

## HARI ISNIN 29 APRIL

PAGI: 9.00 — Sains Dan Perusahaan, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Berdendang Denganku, 10.30 — Dunia Wanita (SU), 11.00 — Hiburan Pilihan.

TENGAH HARI: 1.30—Permintaan Hari Isnin.

PETANG: 2.30 — Keluarga Si Awang (SU), 3.15 — Hiburan Selingan, 3.30 — Alam Remaja, 4.00 — Bangsawan Di Udara (Siti Zubaidah siri ke-8), 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Ruangan Katani (SU), 8.15 —Majalah Sukan (SU), 8.45 — Kuliah Ugama (SU), 9.00—Serbanika Hiburan (SU), 9.30 — Kutujukan Lagu.

## HARI SELASA 30 APRIL

PAGI: 9.00 — Suara Perajurit (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Lagu-lagu Berirama Dangdut, 10.30 — Permintaan Kaum Wanita, 11.00 — Untuk Awda, 11.30 — Berita Sukan (SU), 11.45 — Radio Minggu Ini.

TENGAH HARI: 1.30 — Senandung Lagu-lagu Lama.

PETANG: 2.00 — Kusampaikan Salam, 2.30 — Varia Peristiwa, 2.45 — Hiburan Gema Silam, 3.15 — Seni Dan Sastera (SU), 3.30 — Hiburan, 4.00 — Dari Pendengar Untuk Pendengar, 4.30 — Rampai Petang, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Tinjauan (SU), 7.15 — Selingan Irama, 8.15—Lagu-lagu Selingan, 8.30 — Sandiwara Radio (SU), 9.00 — Forum, 9.30 — Permintaan Sukaramai.

# RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

### WEDNESDAY

**P.M.**

| | |
|---|---|
| 8.00 | Hello Tomorrow |
| 8.30 | 33rd Cheltenham Festival: Music by Hoddinott and Prokofiev (side 2 of 2) |
| 9.30 | Talking About Music—241. |

### THURSDAY

**P.M.**

| | |
|---|---|
| 8.00 | International Money Programme. |
| 8.15 | Sixty-Minute Theatre: Beecham by Caryl Brahms and Ned Sherrin |
| 9.30 | Jazz from the Low Countries — 9/14. |

### FRIDAYS/HOLIDAYS

**A.M.**

| | |
|---|---|
| 11.00 | Islam In Daily Life: Prayer In Islam — 17/30. |
| 11.15 | Light Music From The Netherlands — 654. |
| 11.30 | Children's Half Hour. |

**NOON**

| | |
|---|---|
| 12.00 | The Paramor Sound—31/32. |
| 12.45 | My Music — —350. |

**P.M.**

| | |
|---|---|
| 1.15 | Book Club: School For Love by Olivia Manning — 7/14. |
| 1.30 | Break for music — 17/26. |
| 1.45 | Just for variety by continuity announcer. |
| 2.30 | Fifteen Minutes Theatre: Microcosm by J. C. Wilsher. |
| 2.45 | Calling On You presented by Ak Hishamuddin. |
| 3.30 | Those Were The Days presented by duty announcer |
| 4.00 | Chinese programmes. |
| 8.00 | Islam In Daily Life. (repeat). |
| 8.15 | The World of Books |
| 8.45 | Thirty-Minute Theatre: The Foreigners by Graham Swannell |
| 9.30 | A Date with ...... (repeat) |

### SATURDAY

**P.M.**

| | |
|---|---|
| 8.00 | Hits In Germany |
| 8.30 | My Word — A panel game — 348/350 |
| 9.00 | Latin Instrumental |
| 9.30 | Top of The Pops — 1064. |

### SUNDAY

**A.M.**

| | |
|---|---|
| 11.00 | A Date with ......... |
| 11.30 | Practical World |
| 11.45 | A Feature On Language: Potted Tongues — 2/2. |

**P.M.**

| | |
|---|---|
| 12.15 | Lunch Time Melodies. |
| 12.45 | Review of the Week |
| 1.00 | Top of The Pops — 1064 (repeat). |
| 1.30 | Weekend Greetings. |
| 2.45 | The Fosdyke Saga — 8/13 |
| 3.00 | Just for variety by duty announcer |
| 4.00 | Chinese programmes. |
| 8.00 | A Feature On Language: Potted Tongues — 2/2 (repeat) |
| 8.45 | BBC Science Magazine. |
| 9.00 | Beautiful Music — 56/60. |
| 9.30 | Hitsville USA — The Story of Motown Prog. 1: "Marvelettes and Miracles (side 2 of 2) |

### MONDAY

| | |
|---|---|
| 8.00 | Theatre Forty-Five: Watching The Plays by Rhys Adrian. |
| 8.45 | Right Sound: Acoustics and The Concert Hall |
| 9.30 | The Palm Court Trio—5/6. |

### TUESDAY

**P.M.**

| | |
|---|---|
| 8.00 | Just For You by Jaafar Yaakub |
| 9.00 | In Sentimental Mood |
| 9.30 | Stereo Pop Special: The Alarm side 2. |

### DAILY

**A.M.**

| | |
|---|---|
| 6.29 | Jingle |
| 6.30 | Allah Peliharakan Sultan |
| 6.32 | Quran and It's Translation |
| 6.45 | Berita Perdana (Relayed from the Malay Service). |
| 7.00 | Brunei's AM, Brunei Darussalah In Reminiscene. |
| 7.30 | Local News. |
| 7.35 | Tide Times presented by Azizah Abdullah |
| 7.36 | Brunei's AM (continued) |
| 8.30 | Chinese programmes. |
| 11.00 | Ladies at Eleven except Fridays and Sundays. |

**NOON**

| | |
|---|---|
| 12.00 | Lunch Break except Fridays and Sundays. |

**P.M.**

| | |
|---|---|
| 12.30 | News followed by Brunei Darussalam Reminiscene, and Weather, Forecast |
| 2.00 | Close for morning transmission on Mondays-Thursdays. |
| 4.00 | Close for morning transmission on Fridays and Sundays. |
| 9.15 | News. |

# sukan pelita

Kelolaan:
Manaf Rahman

## JIKA PAHANG DITEWASKAN..



Di pertemuan Singapura dengan Brunei, negara itu juga gagal meraih mata penuh dari tuan rumah.

JIKA pasukan kebangsaan negara berjaya menundukkan Pahang dalam perlawanan terakhirnya nanti maka Brunei Darussalam diiktiraf sebagai 'giant killers' bagi pasukan-pasukan handalan Piala Malaysia.

Dari tiga kemenangan yang dicapai, pasukan negara telah berjaya menundukkan juara, Selangor 2 — 1; Terengganu 1 — 0 dan Kedah serta seri pula dengan juara liga terbaru musim ini, Singapura.

Kalau ditakdirkan Pahang juga tersungkur nanti kebanggaan terbesar dapat dirasakan oleh pasukan para penyokong sendiri iaitu 'menewaskan juara dan naib juara Piala Malaysia, Selangor dan Pahang' bagi musim ini.

Rekod cemerlang pasukan kebangsaan selaku 'penunduk' pasukan-pasukan handalan hendaklah akan menjadi tangkal dalam pertemuan dengan Pahang nanti.

Meski pun dalam ertikata kita gagal melangkah ke suku akhir sekurang-kurangnya kita masih dapat mempertahankan imej kita dalam menandingi pasukan-pasukan pilihan itu.

Ghani Minhat, jurulatih Selangor ketika ditemui selepas kekalahan pasukannya tempoh hari menegaskan. "Pasukan Brunei ini memang sukar untuk diramalkan. Kadangkala permainannya baik dan sebaliknya pula. Kalau bermain dengan Selangor mood mereka itu memuncak. Tetapi tidaklah hairan kerana semua pasukan ingin menumpaskan Selangor kerana ia merupakan kebanggaan kepada mereka" Apakah pasukan kebangsaan negara mampu menumbangkan Pahang?

Tetapi jika kita berupaya meraih kemenangan bererti kita telah mengalahkan juara dan naib juara Piala Malaysia dan sekali gus pasukan negara pula menduduki tempat teratas.

Jika dibayangkan!

## Dua musim berturut-turut:

# GAGAL LAGI KE SUKU AKHIR

GAGAL lagi untuk dua musim berturut-turut pasukan negara terkeluar dari lapan pasukan yang berkelayakan untuk memasuki suku akhir Piala Malaysia.

Perlawanan terakhir pasukan negara ini menentang naib juara Piala Malaysia, Pahang pada 26 April depan.

Sepanjang 14 perlawanan yang dilalui, pasukan kebangsaan negara cuma mengutip 12 mata menduduki tangga ketiga dari bawah dengan Negeri Sembilan dan Sabah di bawah sekali.

12 mata itu dihasilkan dari tiga menang, tiga seri dan mengalami lapan kekalahan dan pencapaian di musim ini sudah memang diramalkan sebelum Piala Malaysia bermula dan pasukan negara sememangnya belum berhasrat untuk meniti peringkat suku akhir.

"Pasukan negara tahun ini terdiri dari kebanyakannya campuran pemain muda dan veteran dan kami meramalkan sejauh mana pencapaian kami. Skuad ini adalah skuad baru dan adalah dalam proses membentuk satu pasukan baru, siri Piala Malaysia adalah menjadi gelanggang utama untuk ujian proses tersebut," Pg. Haji Sani pernah menjelaskan.

Tetapi proses mengadunkan pemain-pemain tersebut saling pula bertukar ganti. Pemain skuad awal seperti Razak Yahya, Majidi Ghani, Kasmi Hamid dan Japari Samat menghilang.



PASUKAN kebangsaan menahan keletihan sebelum masa tambahan di Pesta Sukan Merdeka tempoh hari.

Muka-muka Marzuki Haji Salam, Salleh Ahmad, George Malek, Haji Metali, Jaafar Sulong dan Yusof Rashid pula dikerah untuk mengisi kesebelasan utama dan prestasi mereka cemerlang di sepanjang Pesta Sukan Merdeka.

Tetapi kelakonan mereka juga berkurangan selepas itu termasuk dalam kelayakan Piala Dunia dan dua perlawanan terakhir Piala Malaysia.

Pengalaman mungkin faktor utama terbantutnya perjalanan dan kelakonan cemerlang pasukan kebangsaan. Rata-rata para pemain muda adalah baru pertama kalinya merasai suasana Piala Malaysia.

Tetapi kita sudah mengucapkan selamat tinggal kepada Piala Malaysia dan jalan untuk memperbaiki yang kurang masih ada dan panjang dan penumpuan utama pula ialah pada membentuk pasukan yang lebih baik terutama untuk menghadapi kejohanan besar seperti Piala Merlion atau Sukan SEA.

Dalam pada itu pasukan negara juga harus menjaga terlebih dahulu imej mereka di Piala Borneo nanti.

## Sepak takraw membuat persediaan awal

PERSATUAN Sepak Takraw Negara Brunei Darussalam akan membuat persediaan awal dalam persiapan pasukan takraw kebangsaan bagi menghadapi Sukan SEA akan datang.

Menurut Setiausaha Agungnya, Pg Metassan, pemilihan awal akan diadakan pada bulan Julai depan melalui satu pertandingan khas.

"Dijangkakan skuad ke Sukan SEA akan menjalani latihan intensif bermula Ogos dan latihan pusat pada bulan November nanti.

"Kami mahu menjadikan Sukan SEA di Bangkok nanti sebagai meningkatkan imej negara terutama kepada tuan rumah, Thailand. Mereka difahamkan akan membalas dendam ke atas kekalahan regu utamanya ketika Pesta Sukan Merdeka."

"Dan kemenangan itu adalah sebagai dorongan lanjut untuk kami memberikan cabaran kepada mereka. Prestasi skuad takraw negara di kejohanan Sukan Merdeka itu adalah hasil dari satu latihan yang singkat saja."

"Dan jangka latihan selama empat bulan untuk Sukan SEA saya rasakan cukup meyakinkan dan kami juga masih mengharapkan untuk mendapatkan khidmat jurulatih, Awang Noor Hashim, yang bertanggungjawab melatih skuad takraw negara baru-baru ini," jelasnya.

Sebelum ke Sukan SEA pasukan takraw negara di jangka akan mengambil ujian melalui kejohanan sepak takraw Piala Borneo dan kemungkinan juga Piala Raja Thai, Mei ini.

"Kebolehan pasukan sepak takraw yang bertanding di Sukan Merdeka memang membanggakan tetapi kami mahukan satu pasukan yang mantap, kuat dan berkebolehan di semua sudut dan ke arah itu usaha-usaha



MOHD. Nor Hisham

akan dijalankan untuk menambah beberapa orang pemain lagi," tegasnya.

## Kejohanan squash terbuka

PERSEKUTUAN Squash Rackets Negara Brunei Darussalam akan menganjurkan satu kejohanan squash terbuka seluruh negara pada pertengahan bulan depan.

Kejohanan yang pertama kalinya dianjurkan itu adalah bersempena Hari Kebangsaan dan akan bermula pada 10, 11 dan 12 Mei bagi pusingan awal dan 18 serta 19 Mei bagi pusingan akhir.

Kejohanan squash ini akan menjadi projek tahunan bagi merebut piala persekutuan tersebut dan ianya akan diadakan di gelanggang squash Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Borang penyertaan boleh didapati dari sekarang dari Awang Kamaruddin Dato Haji Talib, di gelanggang squash, Stadium Negara Hassanal Bolkiah; Mejar Afflon Dato Hamidon di Berakas Garison; Dayang Mordiah Haji Zakiah, Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan serta Awang Richard Bircherough di Kelab Panaga Seria.

Borang tersebut serta bayaran masuk sebanyak $5.00 hendaklah dikembalikan tidak lewat dari 3 Mei depan.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI KEMENTERIAN-KEMENTERIAN DAN DI JABATAN-JABATAN KERAJAAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. PEMANDU MOTOR SANGKUT TINGKAT KHAS :
(Di Jabatan Hal Ehwal Ugama, Jabatan Perdana Menteri) (Bil.: 69/1985 (1) )
**Tanggagaji :** E. 2 EB. 3 — $590-$760 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**
a) Pemohon-pemohon mestilah berumur tidak lebih dari 45 tahun.
b) Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya satu tahun sebagai Pemandu Motor Sangkut dan biasa hilir mudik di Sungai Brunei, terutamanya perjalanan ke Daerah Temburong.
c) Pandai membaca dan menulis.
d) Sekurang-kurangnya mempunyai kebolehan sedikit sebanyak dalam urusan membaiki kerosakan jentera motor sangkut.

2. PEMANDU TINGKAT KHAS :
a. (Di Jabatan Kastam dan Eksais, Kementerian Kewangan) (Bil.: 69/1985 (2) )
b. (Di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri) (Bil.: 69/1985 (3) )

PEMANDU KERETA TINGKAT KHAS :
(Di Jabatan Hal Ehwal Ugama, Jabatan Perdana Menteri) (Bil.: 69/1985 (4) )
**Tanggagaji :** E. 2-3 EB. 4 — $590-$875 sebulan.

PEMANDU TINGKAT KHAS :
c. (Di Jabatan Hal Ehwal Ugama, Jabatan Perdana Menteri) (Bil.: 69/1985 (5) )
**Tanggagaji :** E. 3 EB. 4 — $660-$875 sebulan.
ATAU
D. 3 EB. 4 — $900-$1465 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**
a) Mestilah berumur di antara 30 hingga 45 tahun serta boleh menulis dan membaca.
b) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai pengalaman sebagai Pemandu sekurang-kurangnya selama 10 tahun yang mana 5 tahun daripadanya sebagai Pemandu Tingkat I.
c) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai lesen memandu Kelas III dan V yang sah dan tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu serta boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil.
d) Mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.
e) Pemohon-pemohon yang ingin memohon jawatan Pemandu Tingkat Khas di Pejabat Hal Ehwal Ugama hendaklah mempunyai pengalaman pemandu bagi orang-orang kenamaan (VIP).

3. TRADESMAN TINGKAT I :
(Di Jabatan Kastam dan Eksais, Kementerian Kewangan) (Bil.: 69/1985 (6) )
**Tanggagaji :** E. 1-2-3 EB. 4 — $515-$875 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**
a) Mestilah berumur di antara 25 hingga 45 tahun.
b) Mestilah Pemandu yang berpengalaman dan mempunyai lesen memandu Kelas V dan tidak pernah didakwa kerana kesalahan memandu.
c) Lulus Darjah V Sekolah Melayu atau yang sebanding dengannya.
d) Mestilah boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil kenderaan-kenderaan ringan dan mesin-mesin.
e) Berpengalaman dan pernah bekerja sebagai seorang Tradesman di sebuah Workshop Motor/Mesin-mesin adalah satu kelebihan.

4. PEMANDU OUTBOARD TINGKAT I :
(Di Jabatan Kastam dan Eksais, Kementerian Kewangan) (Bil.: 69/1985 (7) )
**Tanggagaji :** F. 3-4-5 EB. 6 — $550-$790 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**
a) Mestilah berumur tidak kurang dari 21 tahun dan boleh menulis dan membaca.
b) Mestilah sihat dan mempunyai penglihatan yang baik dan lulus peperiksaan mata. Mesti boleh berenang.
c) Mesti mempunyai pengalaman sebagai Pemandu Outboard Tingkat II sekurang-kurangnya 2 tahun.
d) Mesti boleh membaiki kerosakan yang kecil ke atas motor sangkut.

5. PEMANDU OUTBOARD TINGKAT II :
a. (Di Jabatan Kastam dan Eksais, Kementerian Kewangan) (Bil.: 69/1985 (8) )
b. (Di Jabatan Hal Ehwal Ugama, Jabatan Perdana Menteri) (Bil.: 69/1985 (9) )
**Tanggagaji :** F. 2-3-4 EB. 5 — $495-$700 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**
a) Mestilah berumur tidak kurang dari 18 tahun dan boleh membaca dan menulis.
b) Mestilah sihat dan berbadan tegap, mempunyai penglihatan yang baik dan lulus peperiksaan mata. Mesti boleh berenang.
c) Mestilah mempunyai pengalaman sebagai Pemandu Outboard sekurang-kurangnya selama 2 tahun dan lulus ujian kecekapan Jabatan Laut bagi Pemandu Outboard Tingkat II.

6. PEMANDU TINGKAT II :
a. (Di Pejabat Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Kementerian Pertahanan) (Bil.: 69/1985 (10) )
b. (Di Jabatan Perjawatan, Jabatan Perdana Menteri) (Bil.: 69/1985 (11) )
c. (Di Pejabat Adat Istiadat, Jabatan Perdana Menteri) Bil.: 69/1985 (12) )

PEMANDU KERETA TINGKAT II :
(Di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri) (Bil.: 69/1985 (13) )
**Tanggagaji :** F. 3-4 EB. 5 — $550-$700 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**
a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 20 hingga 40 tahun dan hendaklah tahu menulis dan membaca dalam Bahasa Melayu.
b) Mereka mestilah pemandu-pemandu yang berpengalaman dan mempunyai lesen memandu Kelas 3 yang sah serta tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu dan boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil.
c) Mempunyai lesen memandu Kelas 5 dan Kelas 11 (sebelas) adalah merupakan satu kelebihan.
d) Mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

7. PEMANDU KERETA TINGKAT I :
(Di Jabatan Kastam dan Eksais, Kementerian Kewangan) (Bil.: 69/1985 (14) )
**Tanggagaji :** F. 4-5 EB. 6 — $620-$790 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**
a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 25 hingga 45 tahun serta boleh menulis dan membaca.
b) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai lesen memandu Kelas III dan V yang sah dan tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu serta boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil.
c) Pemohon-pemohon mestilah telah berkhidmat sebagai Pemandu Tingkat II sekurang-kurangnya 3 tahun.
d) Mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

8. TUKANG KAYU TINGKAT II :
(Di Pejabat Daerah Belait, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri) (Bil.: 69/1985 (15) )
**Tanggagaji :** F. 3-4 EB. 5 — $550-$700 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**
a) Pemohon-pemohon mestilah berumur sekurang-kurangnya 20 tahun dan lulus Darjah V Sekolah Melayu atau yang sebanding dengannya serta mahir dengan pekerjaan Tukang Kayu; atau
b) Pemohon-pemohon yang tidak mempunyai kelayakan persekolahan tetapi boleh menulis dan membaca serta mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 3 tahun dan kecekapan sebagai Tukang Kayu akan juga dipertimbangkan.
c) Mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam hal pertukangan kayu seperti berikut:—
i) Boleh menyediakan rangka dan lukisan untuk kerja-kerja pertukangan kayu.
ii) Boleh membuat kerja-kerja pertukangan kayu dengan berpandukan lukisan-lukisan.
iii) Mempunyai pengalaman dalam hal pertukangan kayu dengan menggunakan perkakas kuasa elektrik, merupakan satu kelebihan.

9. OPERATOR TELEFON/PENYAMBUT TETAMU :
a. (Di Jabatan Pelajaran, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan) (Bil.: 69/1985 (16) )
b. (Di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri) (Bil.: 69/1985 (17) )

PENYAMBUT TETAMU/OPERATOR TELEFON :
(Jabatan Kehakiman, Kementerian Undang-Undang) (Bil.: 69/1985 (18) )

TELEFON OPERATOR :
(Jabatan Penerangan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Bil.: 69/1985 (19) )

PENYAMBUT TETAMU :
(Jabatan Penerangan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan) (Bil.: 69/1985 (20) )

TELEFON OPERATOR/PENYAMBUT TETAMU :
(Di Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan) (Bil.: 69/1985 (21) )
**Tanggagaji :** E. 2-3 EB. 4 — $515-$875 sebulan.

PENYAMBUT TETAMU/TELEFON OPERATOR :
(Di Jabatan Pertanian, Kementerian Pembangunan) (Bil.: 69/1985 (22) )
**Tanggagaji :** E. 2-3 EB. 4 — $550-$875 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**
a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di anara 18 hingga 30 tahun dan lulus Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.
b) Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang dapat menguasai 2 bahasa iaitu Bahasa Melayu dan Inggeris.
c) Calon-calon yang tidak mempunyai kelayakan yang tersebut di atas tetapi telah berkhidmat dengan Kerajaan sekurang-kurangnya selama 3 tahun boleh juga dipertimbangkan.

**Tugas-tugas :**
Selain daripada menjadi Penyambut atau Operator, calon-calon yang berjaya akan juga dikehendaki membantu kerja-kerja pejabat jika diperlukan.

10. PELAYAN MESS TINGKAT III :
(Di Pejabat Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Kementerian Pertahanan) (Bil.: 69/1985 (23) )
**Tanggagaji :** F. 1-2-3 EB. 4 — $445-$650 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**
Pemohon-pemohon mestilah berumur antara 18 hingga 35 tahun dan sekurang-kurangnya di dalam Tingkatan I Inggeris atau yang sebanding dengannya. Calon-calon yang berpengalaman akan diberi keutamaan.

11. PENJAGA BANGUNAN :
(Di Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan) (Bil.: 69/1985 (24) )
**Tanggagaji :** E. 1-2-3 EB. 4 — $515-$875 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**
a) Berumur 20-40 tahun.
b) Mempunyai kelulusan Sijil Rendah Pelajaran Brunei ataupun yang sebanding dengannya.
c) Boleh menulis dan bertutur dalam bahasa Inggeris.

12. TUKANG KEBUN :
(Di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri) (Bil.: 69/1985 (25) )

PEMBERSIH :
a. (Di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri) (Bil.: 69/1985 (26) )
b. (Di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri) (Bil.: 69/1985 (27) )

TUKANG KEBUN/PEMBERSIH :
(Di Pejabat Kemajuan Kerjasama, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri) Bil.: 69/1985 (28) )
**Tanggagaji :** F. 1-2-3 EB. 4 — $445-$650 sebulan.

PENJAGA :
(Di Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan) (Bil.: 69/1985 (29) )

JAGA : (STADIUM)
(Di Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan) (Bil.: 69/1985 (30) )
**Tanggagaji :** F. 1-2 EB. 3 — $445-590 sebulan.

**Kelayakan dan Pangalaman :**
a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 20 hingga 45 tahun.
b) Hendaklah tahu menulis dan membaca.
c) Pemohon-pemohon yang berumur lebih daripada 45 tahun dan mereka yang telah bersara boleh juga memohon untuk dipertimbangkan.
d) Pemohon yang tinggal di kawasan-kawasan yang berdekatan dan pernah bekerja secara bergaji hari adalah diutamakan.

13. PENJAGA BILIK BACAAN/PERPUSTAKAAN :
(Di Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan) (Bil.: 69/1985 (31) )
**Tanggagaji :** E. 1-2-3 EB. 4 — $515-$875 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**
a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 18 dan 25 tahun telah lulus sekurang-kurangnya Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.
b) Dapat membaca dan menulis Jawi dengan baik

14. PENJAGA JENTERA TAPISAN AIR KOLAM BERENANG :
(Di Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan) (Bil.: 69/1985 (32) )
**Tanggagaji :** E. 1-2-3 EB. 4 — $515-$875 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**
a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 18 hingga 35 tahun dan lulus sekurang-kurangnya Tingkatan III Melayu atau Inggeris atau yang sebanding dengannya.
b) Keutamaan akan diberikan kepada calon-calon yang mempunyai pengetahuan dalam kerja Jentera Tapisan Air.
c) Calon-calon yang pandai berenang atau adalah seorang pemegang Bronze Medallion R.L.S.S. United Kingdom adalah merupakan satu kelebihan.

**Tugas-tugas :**
Bertanggungjawab untuk mengawasi setiap perjalanan Jentera-jentera Tapisan dan juga menjalankan pemeriksaan air.

15. TUKANG ELEKTRIK (KENDERAAN)
(Di Pejabat Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Kementerian Pertahanan Bil.: 69/1985 (33) )
**Tanggagaji :** E. 1-2-3 EB. 4 — $515-$875 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**
Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 18 hingga 45 tahun dan mempunyai sekurang-kurangnya 2 tahun pengalaman dalam perkerjaan yang berkenaan.

16. PENYELENGGARA STOR TINGKAT III :
a. (Di Jabatan Pertanian, Kementerian Pembangunan) (Bil.: 69/1985 (34) )
b. (Di Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan) (Bil.: 69/1985 (35) )
**Tanggagaji :** E. 1-2-3 EB. 4 — $515-$875 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**
a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 18 hingga 25 tahun dan lulus sekurang-kurangnya Tingkatan III atau yang sebanding dengannya.
b) Calon-calon yang tidak mempunyai kelayakan yang tersebut di atas tetapi mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja Penyelenggara Stor boleh juga dipertimbangkan.

17. PENGHANTAR SAMAN :
a. (Di Jabatan Pertanian, Kementerian Pembangunan) (Bil.: 69/1985 (36) )
b. Di Jabatan Hal Ehwal Ugama, Jabatan Perdana Menteri (Bil.: 69/1985 (37) )
**Tanggagaji :** E. 1-2-3 EB. 4 — $515-$875 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**
a) Berumur sekurang-kurangnya 18 tahun ke atas.
b) i) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.
ATAU
ii) Pemohon-pemohon yang tidak mempunyai kelulusan di (b) (i) di atas tetapi telah berkhidmat sekurang-kurangnya 2 tahun di dalam perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan bolehlah juga dipertimbangkan.
c) Pemohon-pemohon yang memohon di Pejabat Tanah yang mempunyai kebolehan membaca Peta adalah satu kelebihan.

18. TUKANG LUKIS :
(Di Jabatan Pertanian, Kementerian Pembangunan) (Bil.: 69/1985 (38) )
**Tanggagaji :** E. 1-2-3 EB. 4 — $515-$875 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**
a) Calon-calon mestilah sekurang-kurangnya telah lulus Tingkatan III.
b) Keutamaan akan diberi kepada pemohon-pemohon yang mendapat kepujian dalam mata-mata pelajaran Lukisan dan Ilmu Hisab.
c) Pemohon-pemohon yang tidak mempunyai kelayakan-kelayakan di atas tetapi pernah bekerja sebagai Tukang Lukis (Tracer) atau sebanding dengannya boleh juga dipertimbangkan.

**Tugas-tugas :**
Pemohon-pemohon yang berjaya akan ditugaskan di bahagian Kaji Tanah, Pusat Penyelidikan Pertanian di bawah arahan Ketua Bahagian.

Bersambung di muka 19

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## PEMBERITAHUAN TAWARAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

**Syarat-syarat Tawaran**

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, di Lembaga Tawaran, Bangunan Kementerian Kewangan Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 20 Mei, 1985.

2. Penawar-penawar hendaklah menghadapkan tawaran-tawaran mereka dalam sampul surat biasa atau yang dikhaskan dan hendak ah ditutup. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditunjukkan tajuk tawaran seperti mana yang diiklankan dan tarikh tutup tawaran itu.

3. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Procurement, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Bolkiah Kem, semasa hari-hari bekerja (0730-1230 dan 1400-1630 tiap-tiap hari Isnin hingga Khamis, 0730-1130 tiap-tiap hari Jumaat).

4. Contoh-contoh, katalog-katalog atau risalah-risalah adalah dikehendaki dan mestilah dihantar ke Pejabat Procurement, Bolkiah Kem, ABDB tidak lewat 3 hari selepas tarikh tawaran ditutup. Gambar-gambar biasa tidak akan dilayan.

5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau manamana tawaran.

BIL. : PROC/T/116/1985
MEMBEKAL: LIGHT WHEELED TRACTOR ARTICULATED
Cagaran : $500.00.

BIL. : PROC/T/117/1985
MEMBEKAL: SHOES LADIES
Cagaran : $300.00.

BIL. : PROC/T/118/1985
MEMBEKAL: SECURITY CABINET
Cagaran : $200.00.

BIL. : PROC/T/119/1985
MEMBEKAL: BINOCULARS PRISMATIC/COMPASS SILVA
Cagaran : $200.00.

BIL. : PROC/T/120/1985
MEMBEKAL: FALCON COOKING RANGE 2
Cagaran : $100.00.

BIL. : PROC/T/121/1985
MEMBEKAL: ELEMENT HOTPLATE 7"
Cagaran : $100.00.

BIL. : PROC/T/122/1985
MEMBEKAL: ELECTRIC COOKER 2 RING
Cagaran : $200.00.

BIL. : PROC/T/123/1985
MEMBEKAL: ELEMENT COOKER
Cagaran : $200.00

BIL. : PROC/T/124/1985
MEMBEKAL: CIRCULAR BLADES
Cagaran : $200.00.

BIL. : PROC/T/125/1985
MEMBEKAL: HEAD BROOM STIFF NYLON
Cagaran : $100.00.

BIL. : PROC/T/126/1985
MEMBEKAL: LINER (FOR WOODCASE)
Cagaran : $200.00.

BIL. : PROC/T/127/1985
MEMBEKAL: ENERGY REGULATOR
Cagaran : $200.00.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN

### JABATAN PELAJARAN, KEMENTERIAN PELAJARAN DAN KESIHATAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang terletak di Jabatan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 29 April, 1985.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, bertulis dengan nama PERKARA yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Pelajaran, di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bonafide tender). Bayaran balik cagaran tawaran bolehlah dituntut setelah keputusan tawaran berkenaan disiarkan. Resit salinan asal hendaklah disertakan.

6. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.

7. Harga yang ditawarkan mestilah harga C.I.F. dan pemborong-pemborong yang menghantar tawaran mereka hendaklah menyertakan katalog alat-alat yang ditawarkan.

8. Pembekal-pembekal yang berjaya akan dikehendaki menghantar alat-alat yang tersebut di atas ke Sekolah-Sekolah Menengah yang memerlukan.

9. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

BIL : JP/19/1985
MEMBEKAL DAN MENGHANTAR ALATAN ART DAN CRAFT
Cagaran : $200.00.

BIL : JP/20/1985
MEMBEKAL DAN MENGHANTAR KAYU YANG SUDAH/BELUM DIKETAM
Cagaran : $300.00.

BIL : JP/22/1985
MEMBEKAL DAN MENGHANTAR ALATAN PERTUKANGAN KAYU
Cagaran : $500.00.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN
### JABATAN PELAJARAN, KEMENTERIAN PELAJARAN DAN KESIHATAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang terletak di Jabatan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 29 April, 1985, bagi; Membekal dan memasang alat-alat seperti berikut :—

ELECTRONIC MICRO-FILM SYSTEM (MICRO-GRAPHICS) COMPRISING OF :—
i) Document Camera
ii) Page Search Reader & Printer
iii) Automated retrieval and Storage System.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, bertulis dengan nama PERKARA yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

4. Syarikat-syarikat yang ingin menyertai tawaran tersebut mestilah berpengkalan tempatan (localy base) dan berkemampuan menyediakan bantuan teknikal serta pemeliharaan ke atas alat-alat berkenaan.

5. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Pelajaran, di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

6. Cagaran tawaran adalah dikehendaki sebanyak $500.00 dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bonafide tender).

7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.

8. Harga yang ditawarkan mestilah harga C.I.F. dan syarikat-syarikat yang menghantar tawaran mereka hendaklah menyertakan katalog alat-alat yang ditawarkan.

9. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN

**BIL. : JKP-6/1985**

1. Nama Projek : RANCANGAN PERPINDAHAN PERUMAHAN NEGARA KAMPONG PANDAN, KUALA BELAIT : CADANGAN OUTFALL CANAL.

2. Dokumen tawaran boleh dilihat dan didapati dari :
Jabatan Kemajuan Perumahan,
Tingkat 3,
Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,
Kawasan Lapangan Terbang Lama,
Negara Brunei Darussalam.
mulai hari Rabu, 17 April hingga 27 April 1985.

3. Kelayakan Pemborong : Kelas "A" yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam.

4. Cagaran tawaran : $10,000.00 + $100.00 (dokumen) + $150.0 (pelan).

5. Tarikh tutup : Hari Isnin, 29 April, 1985 jam 12.00 tengah hari.

6. Syarat-syarat tawaran :

6.1 Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin, (pada tarikh yang ditetapkan);

6.2 Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan;

6.3 Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunti Darussalam;

6.4 Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kemajuan Perumahan, Tingkat 3, Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Lapangan Terbang Lama, Negara Brunei Darussalam.

6.5 Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bonafide tender);

6.6 Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas ditetapkan;

6.7 Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan; dan

6.8 Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

## TAWARAN JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A' dan 'B' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Mini Tender yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 12.30 tengah hari, hari Rabu 8 Mei, 1985 bagi kerja-kerja berikut:

BIL. : PPL/MTB/30/1985
WAYLEAVE CLEARANCE OF 11KV OVERHEAD LINES AND SITE CLEARANCE BETWEEN ELECTRICAL STORE AND 66KV S/S AT DISTRICT ELECTRICAL DEPARTMENT, TUTONG.

BIL. : PPL/MTB/42/1985
EXTENSION OF ELECTRICITY SUPPLY SYSTEM TO KAMPONG RAMBAI, MUKIM LAMUNIN VIA AERIAL CABLE ON 35 FEET POLES.

BIL. : PPL/MTB/43/1985
EXTENSION OF L.T. SUPPLY SYSTEM AT TANJONG PANJANG, TUTONG VIA INSTALLATION OF 30 NOS. 28 FEET STEEL POLES AND LOW VOLTAGE UNDERGROUND CABLE.

BIL. : PPL/MTB/44/1985
RECOVERY OF HIGH VOLTAGE CABLES AT MILE 1, JALAN TUTONG DUE TO MAJOR ARTERIAL ROAD DEVELOPMENT.

BIL. : PPL/MTB/46/1985
EXTENSION OF ELECTRICITY SUPPLY TO KAMPONG LABU ESTATE, TEMBURONG.

BIL. : PPL/MTB/47/1985
EXTENSION OF ELECTRICITY SUPPLY TO KAMPONG BUKIT UDAL VIA 11KV AERIAL CABLE ON 35FT. TUBULAR STEEL POLES.

BIL. : PPL/MTB/48/1985
EXTENSION OF ELECTRICITY SUPPLY TO KAMPONG BUKIT BERUANG VIA 11KV AERIAL CABLE ON 35FT. TUBULAR STEEL POLES.

**Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan** yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik, di Lapaugan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Satu perjumpaan bagi penentuan tender akan diadakan pada hari Khamis, 2 Mei, 1985 pukul 3.00 petang, di Bilik Persidangan Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik. Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik adalah berhak untuk menolak sebarang tender yang tidak menghadiri perjumpaan tersebut.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran-tawaran tersebut adalah $100.00.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PERTANIAN

TAWARAN-tawaran hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di Tingkat 4, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 12,00 tengah hari, pada hari Isnin 6 Mei, 1985 bagi :—

PEMBEKALAN 2000 GULUNG KE ATAS DAWAI BERDURI JENIS 12 GUAGE, GALVANISED, 3 — INCI 'BARB SPACE', 2 PLY, BERAT MINIMA 55 PAUN SEGULUNG DAN PANJANG MINIMA 540 KAKI SEGULUNG.

2. Lembaga Tawaran hanya akan menerima tawaran-tawaran yang datangnya dari Peti Tawaran sahaja dan tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan :—

"SULIT — PEMBEKALAN 2000 GULUNG KE ATAS DAWAI BERDURI — JABATAN PERTANIAN — TARIKH TUTUP 6 MEI, 1985".

4. Tawaran-tawaran hendaklah menyatakan harga segulung sampai ke Stor Pertanian Jerudong dan tarikh sampai penghantarannya.

5. Kerajaan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

## TENDER NOTICE ROYAL BRUNEI POLICE FORCE

TENDERS will be received by the Chairman Tenders Board Negara Brunei Darussalam.

Tenders should be placed in the Tender Box situated at :—

4th. Floor,
Jabatan Kementerian Kewangan,
Jalan James Pearce,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam

by 12 noon on the stated closing date.

2. Tender documents can be collected from :—

Head of Logistics & Procurement,
Police Headquarters,
Gadong,
Negara Brunei Darussalam.

TENDER NO : 37/1985
SUPPLY OF GRASS CUTTING MACHINES
(Closing date — 6 May, 1985).

TENDER NO : 38/1985
SUPPLY OF EXCAVATOR/LOADER
(Closing date — 6 May, 1985).

TENDER NO. 39/1985
SUPPLY OF UNIFORM MATERIAL
(Closing date—13 May, 1985).

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## TAWARAN JABATAN KERJA RAYA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

   (a) Pengerusi Lembaga Tawaran,
   Tingkat Empat, Bangunan Kementerian Kewangan
   Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan,
   Negara Brunei Darussalam

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan)

   (b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
   Kementerian Pembangunan,
   Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan,
   Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas,
   Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, di Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas ditetapkan.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

### BIL: 97 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk :

PROJEK No. 85AB/JUB008

CADANGAN JAMBATAN KONKRIT TETULANG BAGI MASJID OMARALI SAIFUDDIN, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 25 April, 1985.

Tarikh tutup: 29 April, 1985.

Cagaran tawaran : $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 113 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk :

PROJEK No.: 85AB/JTB002

PEMBAHARUAN PEJABAT AWAM BAGI PANGGILAN SEBERANG LAUT DI PEJABAT BESAR POS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 27 April, 1985.

Tarikh tutup: 1 Mei, 1985.

Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 134 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk :

PROJEK No.: 84AB/CET003

CADANGAN GUDANG KERTAS PUTIH BAGI JABATAN PERCETAKAN DI LAPANGAN TERBANG LAMA, BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 2 Mei, 1985.

Tarikh tutup: 6 Mei, 1985.

Cagaran tawaran: $1,000.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 135 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk :

PROJEK No: 85AB/12400

CADANGAN PEMBESARAN (DEWAN PERSANTAPAN) KEPADA RUMAH KEDIAMAN PEGAWAI DAERAH, DI TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 25 April, 1985.

Tarikh tutup: 29 April, 1985.

Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 136 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" (Pemborong Elektrik sahaja) untuk :

PROJEK No.: AR407/0801

CADANGAN PEMASANGAN LAMPU JALAN RAYA BAGI PEMBAHARUAN JALAN DI SIMPANG JALAN GADONG/JALAN KUMBANG PASANG, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 4 Mei, 1985.

Tarikh tutup: 8 Mei, 1985.

Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 137 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" dan "B" sahaja (Pemborong Elektrik) untuk :

PROJEK No.: AD419/0602

PEMASANGAN ELEKTRIK BAGI PENGUBAHSUAIAN BANGUNAN S.U.K. LAMA (PERINGKAT II) BAGI PEJABAT PERDANA MENTERI DAN PEJABAT PETROLEUM DI JALAN ELIZABETH II, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 4 Mei, 1985.

Tarikh tutup: 8 Mei, 1985.

Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 138 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" dan "B" sahaja (Pemborong Hawa Dingin) untuk:

PROJEK No.: AD419/0602

PEMASANGAN HAWA DINGIN BAGI PENGUBAH SUAIAN BANGUNAN S.U.K. LAMA, (PERINGKAT II) BAGI PEJABAT PERDANA MENTERI DAN PEJABAT PETROLEUM DI JALAN ELIZABETH II, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 4 Mei, 1985.

Tarikh tutup: 8 Mei, 1985.

Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 139 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas (Pemborong Hawa Dingin dan Elektrik) untuk :

PROJEK No.: 84AD/RAM018

CADANGAN PEMASANGAN HAWA DINGIN UNTUK PEMBINAAN SEMULA PEJABAT DAN STOR COMPANY, TUKER LINE, SERIA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 4 Mei, 1985.

Tarikh tutup: 8 Mei, 1985.

Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 140 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk :

PROJEK No.: 85AR/10900

PENANAMAN RUMPUT BAGI TANAH LERENG DAN PINGGIR JALAN DI LIMBARUH BUNTAR BATU 2, JALAN SUBOK, PERINGKAT I, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 27 April, 1985.

Tarikh tutup: 1 Mei, 1985.

Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: 141 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk :

PROJEK No. 85AB/PDB003

MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA BANGUNAN BALAI POLIS KASAT DI KAMPONG KASAT, NEGARA BRUNEI DARUSSALM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 27 April, 1985.

Tarikh tutup: 1 Mei, 1985.

Cagaran tawaran: $100.00.

### BIL: 142 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk :

PROJEK No.: 85AB/PEL074, 85AB/PEL076 DAN 85AB/PEL078

MEMBINA STOR-STOR BAGI SEKOLAH MELAYU RAJA ISTERI FATIMAH, SEKOLAH MELAYU DELIMA SATU DAN SEKOLAH MELAYU HAJI MOHD JAAFAR MAUN KIULAP, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 27 April, 1985.

Tarikh tutup: 1 Mei, 1985.

Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 143 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk :

PROJEK No.: AD401/0701

IBU PEJABAT TELEKOM DAERAH, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 30 Mei, 1985

Tarikh tutup: 3 Jun, 1985.

Cagaran tawaran: $1,000.00 + $100.00 (lukisan)

### BIL: 144 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pembekal untuk :

PROJEK No.: AW417/0201

MEMBEKAL DAN MEMASANG PAIP BESI MOLUR UNTUK SERIA — SALURAN PAIP SUNGAI LIANG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 23 Mei, 1985.

Tarikh tutup: 27 Mei, 1985.

Cagaran tawaran: $1,000.00

### BIL: 145 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk :

PROJEK No.: 85AB/14006

MENGATAP SEMLA BANGUNAN SEKOLAH MENENGAH S.M.J.A. DENGAN BELIAN SHINGLES JALAN SEKOLAH, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGRA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 2 Mei, 1985.

Tarikh tutup: 6 Mei, 1985.

Cagaran tawaran: $200.00

### BIL: 146 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk :

PROJEK No.: 85AB/PDB003

MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA BALAI POLIS DIRAJA DI KAMPONG BEBULOH, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 4 Mei, 1985.

Tarikh tutup: 8 Mei, 1985.

Cagaran tawaran: $100.00.

### BIL: 147 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk :

PROJEK No.: 85AB/14100

MEMBAIKI SEPENUHNYA DAN MENCAT SEMULA BANGUNAN SEKOLAH RENDAH KERAJAAN MUDA HASHIM DAN RUMAH GURU, TUTONG, NEGARA BRUNEI DRUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 4 Mei, 1985.

Tarikh tutup: 8 Mei, 1985.

Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: 148 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk :

PROJEK No.: 84AB/100

PEMBINAAN DAN PEMASANGAN PEMBAHAGIAN BILIK, PINTU-PINTU DAN KAUNTER BAGI BLOK PEJABAT SEE (B) DI JALAN LAPANGAN TERBANG LAMA, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI, DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 4 Mei, 1985.

Tarikh tutup: 8 Mei, 1985.

Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan)

### BIL: 149 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong yang berkelayakan untuk :

PROJEK No.: 85AW/1800

MEMBEKAL DAN MEMASANG TIGA BUAH A.C. INDUCTION MOTOR BAGI STESEN PENGEPAM SALURAN NAJIS, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 4 Mei, 1985.

Tarikh tutup: 8 Mei, 1985.

Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: 150 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pembekal untuk:

PROJEK No.: 85AR/016

MEMBEKALKAN SATU (1) UNIT BAS MINI LIMA BELAS ORANG TEMPAT DUDUK.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 4 Mei, 1985.

Tarikh tutup: 8 Mei, 1985

### BIL: 151 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pembekal untuk:

PROJEK No.: 85AR/016

MEMBEKALKAN DUA (2) UNIT "VAN PENGHANTARAN"

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 4 Mei, 1985

Tarikh tutup: 8 Mei, 1985

PELITA BRUNEI, Hari Rabu 24 April, 1985.

Dari muka 1

Dari Istana Nurul Iman, Diplomat Norway itu juga telah mengadakan kunjungan muhibah kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri di Hijau Berduri.

Sementara Sabtu lepas, Duta Besar Itali Tuan Yang Terutama Dr. Alessandro Vattani juga telah mengadakan kunjungan muhibah kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri di Pejabat Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri. — AHI.



TUAN Yang Terutama Finn Synnovson Koren Duta Besar Norway semasa membuat kunjungan muhibah kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, di Hijau Baiduri. — Gambar oleh Rabae Sabli.

# DYTM Pengiran Perdana Wazir hadiri sidang Asia — Afrika

BERAKAS. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, telah berangkat ke Republik Indonesia Sabtu lalu, bagi menghadiri Persidangan Asia-Afrika yang berlangsung di Bandung.

Persidangan hari itu bermula pada 24 April lepas adalah bagi memperingati tahun ke-30 persidangan tersebut dan dijangka dihadiri oleh kira-kira 92 buah negara dari Asia dan Afrika yang menjadi ahli dan pemerhati dalam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Berangkat ke lapangan terbang mengucapkan selamat belayar ialah Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, merangkap Timbalan Menteri Kewangan serta lain-lain kerabat Diraja.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, disertai oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Zakaria dan pegawai-pegawai dari Kementerian tersebut.



KEBAWAH DYTM Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien mengucapkan selamat belayar kepada DYTM Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah. — Gambar oleh Ak Abu Bakar PHO.

# MASALAH BURUH BOLEH SELESAIKAN CARA AMAN

Oleh Jaafar Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN. — Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Mohd Ali bin Haji Mohd Daud menegaskan bahawa masalah pertikaian perburuhan di masa kini boleh diselesaikan dengan cara aman tanpa pertikaian.

"Jika dulu kita berusaha mencari jalan bagi menyelesaikan pertikaian buruh tetapi sekarang kita juga berusaha untuk mencari cara-cara yang boleh mencegah berlakunya pertikaian itu kerana saya percaya bahawa masalah itu boleh diselesaikan dengan cara aman tanpa pertikaian," tegasnya.

Dato Paduka Awang Haji Mohd Ali berkata demikian dalam ucapan mengalu-alukan peserta-peserta ke Persidangan Program Bagi Perhubungan Perusahaan dan Projek Perkembangan kali ke-3 yang diadakan di Rumah Persinggahan Kerajaan di ibu negara di sini pada hari Isnin lepas.

Negara Brunei Darussalam telah dipilih menjadi tuan rumah dalam persidangan yang diadakan selama lima hari bermula dari 22 hingga 26 April 1985.

Mesyuarat ketiga yang diadakan di negara ini bertajuk "Ke arah Berkesan Bagi Menghindar dan Menyelesaikan Pertikaian Buruh".

Seperti yang kita maklumi, jelas beliau adalah didapati bahawa banyak masa telah terbuang, harta benda terkorban dan banyak pula penderitaan pekerja-pekerja dan keluarga mereka serta kemerosotan ekonomi negara akibat dari pertikaian perusahaan.

"Usaha pegawai-pegawai dan peserta-peserta sekalian dalam mencari jalan dan cara untuk menjamin suasana yang aman dan sejahtera bagi perhubungan perusahaan di mesyuarat ini adalah sangat-sangat dialu-alukan," katanya.

FAEDAH

Untuk itu, Dato Paduka Awang Haji Mohd Ali berharap supaya keputusan dari mesyuarat itu bukan sahaja akan mendatangkan faedah dari segi teori bahkan juga akan menghasilkan faedah yang boleh dipraktikkan semata-mata untuk kebaikan kita bersama dan untuk kesejahteraan perhubungan perusahaan.

Dato Paduka Awang Haji Mohd Ali menerangkan bahawa program bagi Perhubungan Perusahaan dan Projek Perkembangan ini adalah hasil usaha bersama di antara negara-negara ASEAN, Pertubuhan Buruh Antarabangsa dan Projek Perkembangan Bangsa-bangsa Bersatu yang bertujuan untuk membaiki Perhubungan Perusahaan di Negara-Negara ASEAN.

Mesyuarat yang pertama telah diadakan di Manila, Filipina dalam bulan Ogos 1984 yang bertajuk "Membaiki Saluran Penerangan Di Segi Undang-undang Buruh dan Perhubungan Buruh". Sementara mesyuarat kedua telah berlangsung di Jakarta, Indonesia dalam bulan November 1984 dengan tajuk "Tiga Pihak Dalam Perhubungan Perusahaan".

SATU BUKTI

Menurutnya, persidangan lima hari yang diadakan di negara ini adalah sebagai satu petanda bahawa rakan-rakan kita di ASEAN bukan sahaja memberi penghormatan kepada Negara Brunei Darussalam sebagai tuan rumah kepada persidangan yang penting ini tetapi juga sebagai satu bukti kepercayaan dan keyakinan kepada Negara Brunei Darussalam dalam mengusahakan persidangan ini.

"Saya mengucapkan selamat datang kepada pegawai-pegawai dan peserta dan saya berdoa mudah-mudahan mereka beroleh kejayaan dalam mesyuarat ini dan seterusnya berharap mereka di sini akan berada dalam kesejahteraan dan dapat pula membawa balik ke negara masing-masing persahabatan dan kenangan manis dari Negara Brunei Darussalam," terangnya.

Terdahulu sebelum itu ucapan juga telah disampaikan oleh Dr. C.D. Calderon, Co-ordinator of ASEAN UNDP Project On Industrial Relation For Development.

Dari muka 1

guru-guru," tegas beliau.

Kegagalan anak-anak sering dikaitkan dengan sikap ibu bapa, berdasarkan kenyataan tersebut beliau mengingatkan supaya ibu bapa tidak hanya sekadar melayan kehendak lahiriah dan fizikal anak-anak mereka semata-mata, tetapi mereka haruslah bersedia mengorbankan masa, tenaga dan wang ringgit serta sanggup bersama-sama mengawasi pelajaran anak-anak mereka sama ada di luar bilik darjah ataupun di rumah.

Beliau berucap demikian di majlis Penyampaian Sijil-sijil Jawatankuasa Sekolah Rendah Pengiran Anak Puteri Besar Kampong Peramu yang diselajurkan dengan majlis Kesyukuran Ulangtahun Pertama Hari Kebangsaan pada Khamis lepas.





DATO Paduka Awang Haji Mohd Ali bergambar ramai dengan peserta-peserta ASEAN dan juga Dr.C.D. Calderon (duduk dua dari kiri). — Gambar oleh Haji Sharbini Taha.

## Lawatan pegawai Pengangkutan Darat

TEMBURONG. — Pegawai-pegawai dari Jabatan Pengangkutan Darat kini berada di Daerah Temburong bagi menjalankan tugas-tugas jabatan tersebut pada 24 dan 25 April ini.

Kepada semua pemandu dan tuan punya kenderaan termasuk pemegang-pemegang lesen sementara yang hendak memperbaharui lesen, serta memohon ujian memandu atau bagi mereka yang telah ditetapkan ujian masing-masing bolehlah berhubung dengan pegawai-pegawai berkenaan di Pejabat Daerah Temburong pada waktu-waktu tersebut.

Sementara itu lawatan pegawai-pegawai dari jabatan berkenaan ke Daerah Tutong yang dijadualkan pada 24 dan 25 April ini adalah dibatalkan. Ianya digantikan pada hari sabtu iaitu 27 April depan.

## *Al-Quran asas pendidikan yang sempurna*

Dari muka 1

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz juga seterusnya menggesa masyarakat di negara ini supaya terus melipat gandakan usaha masing-masing pada mengekalkan corak hidup yang maju dan penuh nikmat melalui konsep Negara Melayu Islam Beraja, yang telah menunjukkan unsur-unsur positif yang berkebajikan, bersefahaman dan bersatu padu di kalangan semua lapisan masyarakat tanpa sebarang cacat celanya.

"Kita juga memikul amanah bagi mewariskan corak hidup sedemikian itu kepada generasi yang akan datang dengan penuh sempurna dan di bawah lindungan keredaan Allah," ujar Menteri Pelajaran dan Kesihatan.

Peraduan yang berlangsung pada malam itu bermula dengan persembahan bacaan Al-Quran dan ucapan alu-aluan dari Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Ustaz Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin, juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Peraduan tersebut.

Seramai empat orang qari dan lima orang qariah telah memperdengarkan bacaan masing-masing di pertandingan tersebut.

Diterbitkan oleh Pejabat Penerangan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan Kementerian Undang-Undang Negara Brunei Darussalam.